


MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY.

MICROFILM

15 14 13 12 11 10 9 8 7 6 5 4 3 2 1 0 CM MM

2000
1000
500
100

1000

ORANG BIDAYUH DALAM POLITIK SARAWAK: SATU
KAJIAN KES DI KAMPUNG SAPIT, PADAWAN
KUCHING, SARAWAK


SIKIM GANDEK
NO. MATRIK: 057906

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

REPRO

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1991/92



PENGHARGAAN

Dalam ruangan ini saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Hussain Mohamed kerana sudi menjadi penyelia kepada saya dalam menghasilkan latihan ilmiah ini. Tidak ketinggalan juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Tan Chee Beng yang sudi menjadi penyelia saya sepanjang saya membuat kerja lapangan di Kampung Sapit. Atas susah payah Profesor Madya Dr. Hussain Mohamed dan Profesor Madya Dr. Tan Chee Beng memberi nasihat, teguran membina, pandangan dan bantuan-bantuan secara langsung sangat-sangat saya hargai.

Jutaan terima kasih juga kepada penduduk Kampung Sapit serta penduduk perkampungan Tebia yang lain secara keseluruhannya. Terutama sekali kepada Encik Duduh kerana sudi mengambil saya sebagai anak angkat, Encik Nyosor Nangga, Encik Diyu Rogo dan lain-lain lagi kerana banyak memberi bantuan dan pandangan yang berharga sepanjang saya menjalankan kajian luar.

Selain daripada itu jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta serta orang perseorangan yang banyak memberikan idea-idea, pandangan dan maklumat-maklumat kepada saya seperti Encik William Tanyuh Nub, Encik Peter Minos, Encik Lawrence Dalim Nadot dan lain-lain lagi kerana sudi meluangkan masa untuk kebaikan saya. Juga kepada pegawai-pegawai perpustakaan yang banyak bersusah payah untuk menyediakan buku-buku rujukan yang diperlukan.

Kepada teman-teman seperti Boniface, Edwin yang banyak memberikan maklumat kepada saya dan tidak lupa kepada Saudari Diana Roberts yang selalu memberi dorongan dan peringatan semasa saya menulis latihan ilmiah.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kak Jah yang tidak jemu-jemu menaip latihan ilmiah dan juga kepada individu-individu yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung, kecil atau besar dalam latihan ilmiah.

Akhir sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya terutamanya yang telah berkorban harta benda, masa dan budi selama ini yang tidak mungkin dapat saya balas selama-lamanya. Terima kasih daun keladi kepada semua.

Sikim Gandek
Asrama Menara Budi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

SINOPSIS

Kajian ini dibuat terhadap masyarakat Bidayuh di kawasan Padawan. Dalam kajian ini pengkaji telah memilih Kampung Sapit sebagai sasaran utama di samping Kampung-kampung Tebia yang lain di kawasan Padawan. Tumpuan kajian ialah tentang penglibatan dan kedudukan orang Bidayuh dalam politik Sarawak.

Bab I, pengkaji menghuraikan tentang metodologi atau langkah-langkah yang boleh diambil untuk melengkapkan latihan ilmiah ini serta masalah-masalah kajian.

Bab II, pengkaji menghuraikan tentang latarbelakang geografi, masyarakat, ekonomi, sosial dan kepercayaan di Kampung Sapit. Pengkaji juga menggambarkan kawasan kajian dari aspek sejarah serta penduduknya.

Bab III, pengkaji menumpukan kepada penyertaan dan perilaku politik di kawasan Tebia Padawan. Selain daripada itu, pengkaji menjelaskan tentang sub-kelompok Bidayuh yang lebih kecil yang terdapat di Padawan serta asal-usul mereka. Dalam bab ini juga pengkaji menghuraikan aspek-aspek yang berkaitan antara kawasan orang Bidayuh di Padawan dan di daerah yang lain yang banyak menimbulkan pergolakan politik orang Bidayuh secara amnya.

Dalam Bab IV, pengkaji membincangkan peranan dan kegiatan Dayak Bidayuh National Association (DBNA) yang begitu banyak mempengaruhi kehidupan orang Bidayuh. Selain daripada itu, memeri-

hal kan faktor-faktor yang mendorong atau sebaliknya kegiatan politik kepartian orang Bidayuh adalah perkara utama dalam bab ini.

Dalam Bab V, pengkaji menghuraikan kawalan dan pengkaderan politik di Padawan. Di antara perkara-perkara yang dibincangkan ialah SUPP cawangan Padawan, peranan SABERKAS (Kesatuan Belia Sarawak), peranan Tebia Regional Development Committee (TRDC) dan politik wang.

Dalam Bab VI, pengkaji membuat kesimpulan bagi kesemua bab-bab yang telah dihuraikan secara panjang lebar ke dalam satu rangka yang agak lengkap. Pengkaji seterusnya menghuraikan aspek-aspek yang boleh mempengaruhi perpaduan dan masa depan orang Bidayuh. Pengkaji juga memuatkan andaian-andaian tentang ketidakmantapan politik orang Bidayuh yang mungkin menimbulkan konflik serta masalah kepada mereka di Sarawak dan Padawan khasnya.

Pada keseluruhannya, kajian dilakukan untuk menggambarkan, memaparkan dan menghuraikan keadaan politik orang Bidayuh khususnya di Padawan dan amnya di negeri Sarawak. Di samping itu perbandingan boleh dibuat di antara masyarakat Sarawak dengan masyarakat di Semenanjung Malaysia dan perpaduan antara kaum dan dalam kaum itu sendiri.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI PETA	viii
SENARAI GAMBARAJAH	viii
SENARAI GAMBAR	viii
SINGKATAN NAMA	ix
BAB I : PENDAHULUAN	1
1. Bidang Kajian	
2. Tujuan Kajian	2
3. Kepentingan Kajian	3
4. Kaedah Kajian	5
i) Pemerhatian Ikut Serta	
ii) Temubual	
(a) Temubual Secara Langsung	
(b) Temubual Secara Tidak Langsung	
iii) Kajian Perpustakaan	
5. Kesulitan	
BAB II : LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN, PENDUDUK DAN SOSIAL•BUDAYA/EKONOMI	10
1. Kawasan Kajian	
2. Penduduk	

i) Latarbelakang Suku Kaum Bidayuh (Tebia)	15
ii) Agama	17
iii) Organisasi Sosial Komuniti Bidayuh	19
iv) Kepimpinan Bidayuh	20
v) Pekerjaan	25
 BAB III: PENYERTAAN DAN PERILAKU POLITIK DI KAWASAN TEBIA, PADAWAN	31
1. Kekerabatan dan Keturunan	
i) Peringkat Komuniti Dalam Sebuah Daerah	33
ii) Pakatan Di Antara Kampung	36
2. Hubungan Penaung-Yang Dinaungi	39
3. Institusi 'Nyarok'	43
4. Kepentingan Slogan 'Patut Garang Bidayuh Mangga kaya'	48
 BAB IV : DAYAK BIDAYUH NATIONAL ASSOCIATION (DBNA)	52
1. Matlamat	
2. Penerimaan Orang Bidayuh	55
3. Pencapaian	59
4. Cabaran dan Harapan	61
 BAB V : KAWALAN DAN PENGKADERAN POLITIK	68
1. SUPP Cawangan Padawan	
2. Peranan SABERKAS (Kesatuan Belia Sarawak)	70
3. Peranan Tebia Regional Development Committee	72

4. Politik Wang

74

BAB VI: KESIMPULAN

76

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

- Jadual 1 : Anggaran Penduduk Sarawak Pertengahan Tahun 1988 - 1989
- Jadual 2 : Kadar Kemiskinan Mengikut Keturunan 1982
- Jadual 3 : Penglibatan Kaum Mengikut Jenis Industri 1970
- Jadual 4 : Taraf Pencapaian Pendidikan Mengikut Kaum
- Jadual 5 : Senarai ADUN N.10 Bengoh 1979 - 1991
- Jadual 6 : Purata Saiz Isi Rumah dan Penyara Tiap Isi Rumah dan Per Kapita Mengikut Kumpulan Etnik - Sarawak 1980
- Jadual 7 : Klasifikasi Kawasan Undi

SENARAI PETA

- Peta 1 : Kedudukan Padawan di Sarawak
- Peta 2 : Peta Lakar Kasar Jalan Menuju ke Perkampungan Tebia
- Peta 3 : Peta Lakar Kasar Kampung Sapit
- Peta 4 : Kawasan Undi Dewan Undangan Negeri Sarawak

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 1: Tingkat Kepimpinan Dalam Masyarakat Bidayuh

SENARAI GAMBAR

- Gambar 1 : Pemandangan Kampung Sapit Dari Udara
- Gambar 2 : Pemandangan Sebahagian Daripada Kampung Sapit
- Gambar 3 : Pesta Sukan TEbia
- Gambar 4 : Semangat Pakatan Antara Kampung Orang Tebia
- Gambar 5 : Tarian "Rajang Tanggi" Semasa "Nyarok"

SINGKATAN NAMA

DBNA	- Dayak Bidayuh National Association
SUPP	- Sarawak United People;s Party
PBB	- Parti Bumiputra Bersatu
PBDS	- Parti Bangsa Dayak Sarawak
SNAP	- Sarawak National Party
DAP	- Democratic Action Party
TRDC	- Tebia Regional Development Committee
SABERKAS	- Kesatuan Belia Sarawak
JKKK	- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
SALCRA	- Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority
NTC	- New Testament Church
BN	- Barisan Nasional
KK	- Ketua Kampung
KG	- Kampung

BAB I

PENDAHULUAN

1. Bidang Kajian

Kajian ini mengenai penglibatan dan kedudukan orang Bidayuh (Dayak Darat) dalam politik Sarawak. Orang Bidayuh merupakan golongan etnik yang keempat terbesar jumlahnya di Sarawak selepas orang Iban (Dayak Laut), Cina dan Melayu. Mengikut Bancian 1988, orang Bidayuh merupakan 8.5% daripada jumlah penduduk Sarawak. Mereka secara keseluruhannya terdapat di Bahagian Pertama (Kuching) yang juga merupakan ibu negeri Sarawak. Orang Bidayuh secara amnya boleh diklasifikasikan kepada 3 golongan sub-group yang utama iaitu Bau (penduduk daerah Bau), Sadong (penduduk daerah Serian) dan Biatah bagi Bidayuh yang lain.

Dalam kajian ini, saya memilih orang Bidayuh golongan Biatah di Padawan. Di kalangan Biatah ini pula, saya memilih Kampung Sapit sebagai tempat kajian. Kampung Sapit ialah salah sebuah perkampungan orang Bidayuh Tebia (sub-group Bidayuh Biatah) selain daripada Kampung Kiding, Kampung Kakas (Asom dan Parang), Kampung Nusaraya dan Kampung Abang Bura. Dari segi sejarah, Kampung Kiding dianggap sebagai pusat perkampungan Tebia kerana dari sinilah wujudnya kampung-kampung Tebia yang lain. Oleh itu, sungguhpun mereka tinggal di lain kampung, mereka sebenarnya adalah dari rumpun yang sama dan tidak hairanlah di setiap kampung mereka mempunyai saudara mara terdekat. Misalnya, Ketua Kampung Kiding mempunyai

hubungan pertalian darah yang dekat dengan hampir kesemua Ketua Kampung Tebia yang lain. Penduduknya pula dalam banyak kes berkongsi tanah dan harta benda yang lain.

Penumpuan diberikan kepada budaya politik mereka di samping aspek-aspek lain seperti penyertaan politik dan sosialisasi politik. Ini pula dikaitkan dengan politik dan pembangunan di Sarawak amnya. Misalnya dari segi penyertaan politik orang Bidayuh yang pasif di mana salah satu implikasinya ialah kesedaran politik yang masih rendah di kalangan orang Bidayuh sendiri. Dalam konteks ini, Kampung Sapit yang juga salah sebuah kawasan Tebia dipilih untuk memerihalkan dengan lebih lanjut kalaupun tidak melengkapkan bidang kajian.

2. Tujuan Kajian

Pada umumnya kajian ini bertujuan melihat dan memahami kehidupan politik orang Bidayuh di Sarawak memandangkan bahawa mereka merupakan kumpulan pengundi majoriti di 5 buah kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kawasan-kawasan itu ialah Bau, Lundu, Bengoh (Padawan), Tarat dan Tebakang. Orang-orang Tebia tergolong dalam kawasan Bengoh (Padawan) dan umumnya tingkahlaku politik mereka tidaklah berbeza daripada tingkahlaku politik rakan-rakan mereka di kawasan yang lain. Hal ini ada kaitannya dengan kegiatan DBNA (Dayak Bidayuh National Association) yang begitu banyak mempengaruhi hidup mereka.

Sehubungan dengan itu, maka di antara tujuan istimewa kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji usaha-usaha yang telah dijalankan oleh DBNA dalam memajukan kehidupan orang Bidayuh secara keseluruhannya.
2. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan dalam usaha-usaha di atas.
3. Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan orang Bidayuh dalam kegiatan DBNA khususnya yang berkaitan dengan politik.
4. Memerihalkan faktor-faktor yang mendorong atau sebaliknya kegiatan politik kepastian orang Bidayuh.

3. Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah dianggap penting bukan sahaja untuk mengenali dan memahami politik orang Bidayuh di Sarawak semata-mata bahkan juga di peringkat nasional, di mana sekurang-kurangnya kita menyedari bahawa kaum Bidayuh memang wujud di Malaysia. Ini kerana sehingga ini amat sedikit pendedahan dan penyelidikan dibuat ke atas masyarakat Bidayuh sama ada oleh sarjana-sarjana luar negeri maupun tempatan.

Adalah menjadi tanggapan umum akan betapa pasifnya penyertaan politik di kalangan orang Bidayuh jika dibandingkan dengan kaum lain. Dikatakan hampir 80% daripada orang Bidayuh luar bandar adalah buta huruf. Kebanyakan mereka tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan bidang politik itu sendiri. Penglibatan

orang Bidayuh dalam politik Sarawak ialah sesuatu yang baru dan boleh dikatakan masih dalam peringkat peralihan. Ini adalah kerana penyertaan orang Bidayuh dalam politik Sarawak cuma ketara selepas tahun 1930an dan 1940an sahaja.

Dengan adanya kajian ini adalah diharapkan dapat menghasilkan penemuan-penemuan baru yang mungkin boleh memanfaatkan golongan Bidayuh sendiri. Boleh dikatakan amat sedikit kajian dilakukan terhadap orang Bidayuh. Kebanyakan karya-karya yang ada mengenai masyarakat Bidayuh pula, cuma memberi gambaran umum dan hampir tiada kajian yang menyentuh mengenai politik orang Bidayuh. Misalnya Hugh Low dalam karyanya 'Sarawak' cuma memberikan pengetahuan asas mengenai orang Bidayuh tanpa perbincangan yang khusus dan mendalam tentang aspek ekonomi, sosial maupun politik orang Bidayuh. Malcom Macdonald dalam bukunya "The Borneo People" pula mengkaji pelbagai kaum yang ada di Kepulauan Borneo dari aspek sejarah tanpa memberikan perhatian yang khusus kepada orang Bidayuh. Michael B. Leigh dalam bukunya "The Rising Moon: Political Change in Sarawak" pula memberikan gambaran umum tentang perubahan politik yang berlaku di Sarawak. Walaupun beliau tidak banyak membicarakan tentang politik yang berlaku di Sarawak tetapi beliau tidak banyak membicarakan tentang politik orang Bidayuh. Penulis tempatan, Jayum A. Jawan pula dalam menghasilkan karyanya "The 1989 State Election: The Dayakism Factor" cuba membincangkan perilaku politik kaum Dayak di mana orang Bidayuh adalah sebahagian daripadanya. Walau bagaimanapun beliau banyak menyentuh tentang pencapaian Parti Bansa Dayak Sarawak secara sepantas taliu. Apabila membincangkan tentang politik orang Bidayuh

di Sarawak, Dayakism tidak begitu penting kerana umumnya orang Bidayuh menganggap Dayakism itu sebenarnya adalah Ibanism. Memandangkan kajian yang dilakukan oleh sarjana Eropah dan tempatan ini tidak memerihalkan tentang orang Bidayuh, pengkaji merasakan kajian tentang politik orang Bidayuh penting untuk memahami kehidupan politik mereka secara lebih mendalam.

4. Kaedah Kajian

i) Pemerhatian Ikutserta

Kaedah ini sering digunakan oleh ahli antropologi dan sosiologi untuk mengkaji masyarakat yang simpel. Kaedah ini memerlukan seseorang pengkaji tinggal bersama-sama masyarakat yang dikaji itu. Oleh itu segala tindak-tanduk masyarakat dalam menjalankan aktiviti harian mereka tidak mungkin terlepas daripada pemerhatian pengkaji.

Saya tinggal di Kampung Sapit selama hampir 2 bulan dan dalam tempoh itu banyak aspek kehidupan orang kampung yang dapat diperhatikan dan dirasakan sendiri. Penduduk di kampung itu rata-ratanya petani pertanian pindah dan waktu siang memang sukar untuk berjumpa mereka. Pada mulanya mereka memang tidak begitu menunjukkan minat bila diajak berbincang mengenai politik dan setengah mereka menganggap ia sebagai sensitif memandangkan Pilihanraya Negeri Sarawak 1991 hampir menjelang.

Pada minggu pertama saya di kampung itu tidak banyak maklumat yang saya perolehi oleh kerana saya kadang-kadang mengikut

Ketua Kampung ke sawah padinya (kebetulan musim menuai). Dengan melibatkan diri dalam sesetengah aktiviti harian mereka, saya dapat mengenali mereka dengan lebih rapat. Walau bagaimanapun perasaan syak wasangka di kalangan mereka tetap wujud. Setelah hampir sebulan saya bersama mereka barulah mereka menganggap saya adalah orang kampung mereka juga. Ini dibuktikan bila mana mereka mengadakan "NYURUG" (lebih kurang macam gotong royong) untuk menuai padi Ketua Kampung dan sambutan mereka terhadap kehadiran saya amat menggalakkan. Sejak itulah hubungan mesra saya dengan orang kampung bertambah erat dan segala data dan maklumat yang dikehendaki lebih mudah diperolehi.

ii) Temubual

(a) Temubual Secara Langsung

Temubual secara langsung diadakan dengan "key respondents" seperti Presiden DBNA Encik Peter Minos, bekas ADUN di Bengoh yang mungkin dicalonkan lagi untuk Pilihanraya 1991, Encik William Tanyuh (Parti SUPP), Timbalan Pengurus Parti PBB Cawangan Padawan, Encik Tuyuk, Setiausaha Agung Biya Regional Development Committee Encik Ruan Engges, Ketua Kampung Kiding T.K. Nyosor Nangga dan Ketua Kampung Sapit Encik Duduh. Di samping itu, penduduk Kampung Sapit dan juga perkampungan Tebia yang lain tidak ketinggalan menjadi responden.

Temubual secara langsung dengan responden banyak menghasilkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Segala maklumat

yang diberikan direkodkan dengan sepenuh keikhlasan hati dan dedikasi. Oleh itu, ia dijamin kesahihannya. Malah saya selalu mengingatkan responden bahawa jika maklumat yang diberi adalah palsu, mereka bukan sahaja menipu saya tetapi secara tidak langsung menipu anak-anak mereka di kemudian hari kelak.

(b) Temubual Secara Tidak Langsung

Pengkaji merasakan temubual secara langsung adalah agak formal dan biasanya memerlukan temujanji terlebih dahulu. Oleh itu, temubual secara tidak langsung tidak kurang pentingnya juga dan biasanya dilakukan pada sebelah petangnya semasa KRAKAR (berbual secara spontan pada waktu lapang) dan hampir sama dengan BERANDAU dalam masyarakat Iban. Dalam situasi di mana responden bebas mengeluarkan idea ini kadang-kadang mereka ada menyentuh topik yang berkaitan dengan kajian walaupun ia tidak ditanya.

Di samping itu, ditemubual secara tidak langsung juga berlaku semasa diadakan Majlis Keramaian seperti NYURUG (bergotong royong mengerjakan sawah padi) dan kenduri. Suasana begini juga bersesuaian sebab responden biasanya mempersilakan rakan-rakan mereka untuk mengemukakan pendapat mengenai sesuatu perkara dan ini menambahkan maklumat yang dikehendaki. Ini adalah kerana responden seolah-olah menemubual sesama sendiri tanpa merasakan sesuatu isu yang disentuh itu sensitif.

iii) Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan diperlukan bagi mengetahui ada atau tidaknya kajian mengenai orang Bidayuh dilakukan sebelum ini terutama dari aspek politik. Kajian perpustakaan dijalankan sebelum dan selepas menjalankan kerja lapangan untuk melengkapkan data atau maklumat yang diperlukan mengenai masalah yang dikaji. Maklumat yang diperolehi semasa kerja lapangan walaupun 'first hand' tetapi tidak mencukupi untuk melengkapkan dan mengesahkan sesuatu kajian. Oleh itu kajian perpustakaan sebagai salah satu kaedah kajian tetap memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya untuk melengkapkan sesuatu kajian.

Pada peringkat ini pengkaji menggunakan beberapa teks kajian dan akhbar majalah yang relevan dengan persoalan politik. Kaedah ini akan menentukan kajian yang dilakukan adalah bersifat akademik dan seterusnya membezakan tafsiran yang sering terdapat dalam buku-buku politik sisipan. Dalam perkembangan keilmuan, usaha untuk menyemak, membaiki dan mengkritik karya-karya atau kajian awal digalakkan dan sudah tentu kajian perpustakaan dipentingkan.

5. Kesulitan

Sepanjang saya menjalankan kerja lapangan banyak kesulitan yang dihadapi. Di antara masalah awal yang dapat dikenalpasti ialah syak wasangka. Pengkaji merasakan agak sukar untuk memungut data dan keterangan yang dikehendaki disebabkan syak wasangka tentang

tujuan kajian ini. Ramai responden yang pada mulanya merasakan kajian ini adalah untuk kepentingan pihak tertentu. Kalaupun tidak untuk kepentingan kerajaan. Masalah syak wasangka menjadi bertambah runsing apabila Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak 1991 hampir menjelang. Malah sesetengah responden menganggap politik itu sensitif dan tidak mahu membincang mengenainya dan seterusnya enggan bekerjasama.

Masalah pengangkutan juga dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kerja lapangan. Tempat kajian yang begitu terpencil amat menyulitkan perjalanan yang ternyata jauh dengan ketiadaan jalanraya mahupun jalan air. Perjalanan dari bandaraya Kuching ke tempat kajian mengambil masa sehari suntuk. Pengalaman yang paling menyulitkan ialah berjalan kaki melalui bukit-bukau yang curam, paya dan anak sungai selama 4 - 5 jam dari perhentian bas di Kampung Abang Bura ke Kampung Sapit, tempat kajian.

Di samping itu, kesulitan juga dihadapi dari segi kewangan. Oleh kerana pengkaji menggunakan kaedah kajian ikut serta pengkaji terpaksa tinggal dengan komuniti yang dikaji selama hampir 2 bulan dan segala perbelanjaannya adalah atas tanggungan pengkaji sendiri. Ini ditambah pula dengan perbelanjaan pengangkutan, kos mencetak bahan-bahan yang diperlukan dan sebagainya.

BAB II

LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN: PENDUDUK DAN SOSIAL BUDAYA/EKONOMI

1. Kawasan Kajian

Kawasan kajian ini terletak di Padawan Kuching. Padawan merupakan sub-kawasan Kuching dan segala aspek pembangunannya terletak di bawah pengawasan Majlis Daerah Luar Bandar Kuching. Pengkaji memilih kawasan Ulu Padawan di mana terdapatnya perkampungan suku kaum Bidayuh Tebia. Walau bagaimanapun dalam kajian ini cuma satu perkampungan sahaja yang dipilih iaitu Kampung Sapit.

Kampung Sapit mendapat namanya daripada perkataan Melayu iaitu "sempit" disebabkan keluasan tanahnya yang terhad dan merupakan Kampung Tebia yang paling kecil. Keluasannya dianggarkan lebih kurang 3 km persegi. Di persekitarannya dikelilingi oleh kawasan bukit bukau dan melalui jalan-jalan kecil (hanya boleh dihubungi dengan berjalan kaki) sahaja, ia dihubungkan dengan perkampungan Tebia yang lain. Jalan-jalan dibina pada bukit dan paya tanpa mengambil kira bentuk tanah. Jalan-jalan kecil jarang sekali menghubungkan kampung orang Tebia dengan kampung-kampung yang lain tapi umumnya untuk menghubungkan sawah dan bendang mereka.

Semasa kajian dijalankan terdapat 38 buah keluarga (rawang) dengan jumlah penduduknya dianggarkan 150 orang. Di sebelah timur Kampung Sapit terdapat Gunung Penerissen yang juga merupakan gunung yang tertinggi di kawasan Padawan dengan ketinggian 4,700 kaki. Oleh itu, tidak hairanlah apabila menjelangnya pilihanraya, calon-

calon yang bertanding biasanya menggunakan helikopter untuk bertemu dengan penduduk dan mengadakan sesi ceramah dan dialog. Kalaupun ada calon yang sanggup berjalan kaki, dia biasanya bermalam sebelum meneruskan perjalanan balik keesokannya. Seorang penulis Inggeris yang melawat perkampungan Tebia pada awal tahun 60an pernah mengatakan Padawan suatu ketika dulu telah menjadi Pusat Pembangunan Komuniti Dayak Darat. Penulis itu ialah Mora Dickson dalam karyanya "A Season in Sarawak" di mana beliau mengatakan Padawan adalah seperti "The Garden of Eden". Padawan merupakan:



"The centre with its large flat open space of green grass ringed about with jungle covered hills was completely remote from the world we have come from, with communication only possible by many hours of foot."¹

Sebenarnya perkampungan Tebia sahaja (kecuali Kampung Abang Bura) yang masih belum dihubungkan dengan jalanraya semasa kajian ini dilakukan. Oleh itu pendapat penulis barat itu cuma benar dalam konteks perkampungan Tebia di mana Kampung Sapit adalah salah satu daripadanya.

Secara keseluruhannya, laporan secara rasmi menunjukkan majoriti daripada orang Bidayuh adalah miskin atau dalam kategori paras kemiskinan yang mutlak. Misalnya, pada tahun 1988, Jabatan Perangkaan telah melaporkan bahawa 64.9% daripada orang Bidayuh adalah dalam paras kemiskinan, cuma 2.8% melihatkan diri dalam perdagangan dan perindustrian, sebahagian besarnya sebagai majikan


¹ Dickson, Mora, A Season in Sarawak, Dobson Books Ltd., London, 1962, m.s. 27.

THE STATE
OF
SARAWAK



25

KUCHING



Peta 2: Lakar Kasar Jalan Menuju Ke Perkampungan Tebia

Ferumahan
Sempulan
Ant-niakangsa
Jalan-raya
Sungai
Jalan Hutan
Tanjat Tinggi
Pekat/Hutan

Gereja
Padang
Pertanian
Pindah
Tapah
Ke Kg. Kiding

45' Teluk

Ke Kg. Asam

SARAWAK

G. SIRURUH
1233m

G. PENNERISEN
1329m

0 1 2 Batu 3 4
Km

Peta 3: Lakar Kasar Kampung Sapit



Gambar 1: Pemandangan Kampung Sapit Dari Udara



Gambar 2: Pemandangan Sebahagian Daripada Kampung Sapit

dan pekerja dan pemilikan mereka terhadap bank, syarikat kewangan, firma insuran, pembalakan, perlombongan dan industri-industri utama yang lain adalah sangat terhad. Di Kampung Sapit, status ekonomi penduduknya adalah amat rendah. Dalam bidang pendidikan misalnya, semasa kajian ini dilakukan tidak ada penduduknya yang mempunyai kelulusan STPM. Kelulusan paling tinggi penduduknya ialah SPM.

Jadual 1: Anggaran Penduduk Sarawak Pertengahan Tahun 1988-1989

Tahun	Penduduk
1980	1,235,553*
1980	1,309,363
1981	1,342,397
1982	1,376,256
1983	1,409,724
1984	1,443,174
1985	1,478,096
1986	1,515,329
1987	1,442,751
1988	1,493,100
1989	1,633,069

Sumber: Perangkaan Pertanian Sarawak, Kuching.
Jabatan Pertanian Sarawak, 1989

* Banci Penduduk 1980

Mengikut Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985,² kadar kemiskinan telah turun daripada 56.6%

²Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, m.s. 90.

di tahun 1976 kepada 47.7% di tahun 1979, dan seterusnya telah menurun keapda 31.2% di tahun 1982. Mengikut laporan yang sama, kadar kemiskinan bagi masyarakat Bidayuh ialah 64.9%. Berbanding dengan masyarakat-masyarakat lain, kadar kemiskinan untuk masyarakat Bidayuh adalah yang tertinggi.

Kadar kemiskinan mengikut keturunan kaum adalah ditunjukkan di Jadual 2.

Jadual 2: Kadar Kemiskinan Mengikut Keturunan 1982

Keturunan	Kadar Kemiskinan
Melayu	21.1%
Iban	48.7%
Bidayuh	64.9%
Melanau	18.2%
Kaum Bumi Lain	17.9%
Cina	8.5%
Lain-lain Keturunan	16.7%

Sumber: Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, m.s. 97

2. Penduduk

i) Latarbelakang Suku Kaum Bidayuh (Tebia)

Suku Kaum Bidayuh Tebia dikatakan berasal dari Indonesia beribu-ribu tahun yang dahulu. Adalah agak sukar untuk membincangkan penghijrahan mereka ke Sarawak kerana tidak ada rekod yang menunjukkan bila mereka mula menetap di negeri ini. Apa yang jelas ialah keturunan

mereka yang dipercaya berasal dari Kalimantan, Indonesia. Hingga sekarang pun kebanyakan mereka mempunyai saudara mara di Kalimantan. Di samping mempunyai pertalian darah yang erat mereka masih berinteraksi antara satu sama lain melalui upacara tradisional dan tahunan seperti Gawai Dayak.

Pusat tamadun Bidayuh Tebia dikatakan bermula dari Kampung Kiding. Namun begitu mereka berpindah untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik dan akhirnya memulakan penempatan yang baru. Oleh itu, tidak hairanlah pemimpin-pemimpin utama kaum Bidayuh Tebia berasal dari Kampung Kiding dan kepimpinan yang berdasarkan kekeluargaan amat penting.

Dari segi bahasa, umumnya suku kaum Bidayuh Tebia menggunakan dialek yang sama walaupun terdapat sedikit perbezaan. Misalnya, suku kaum Bidayuh Tebia di kampung yang lain menggunakan perkataan "MAN" yang bermakna makan tetapi di Kampung Sapit, istilah bagi makan mereka ialah "MEEN". Apabila ditanya "Apa Itu Adat?" Seorang Bidayuh Tebia akan mengatakan: Ia adalah cara bagaimana mereka menempuh kehidupan sehari-hari dan menjadi petani. Adalah menjadi adat mereka untuk menanam padi bukit dan mengerjakan tanah untuk mendapatkan hasilnya.

Hugh Low dalam bukunya, "Sarawak Its Inhabitants and Productions" merujuk kepada orang Bidayuh sebagai:

"The Hill Dayaks or as they call themselves, 'Orang Gunung' or men of the hills differ in many peculiarities from the Dayaks of the sea tribes."³

³Low, Hugh, Sarawak, Its Inhabitants and Productions, Frank Cass and Co. Ltd., London, 1968, m.s. 239.

Orang Bidayuh majoritinya terdapat di bahagian barat Sarawak terutama di pedalaman. Seperti juga bangsa-bangsa lain di Sarawak, orang Bidayuh terkenal dengan budi bahasa dan kemesraan mereka dengan orang luar. Misalnya Hugh Low ada mengatakan:

"The Hill Dayaks are a mere amiable people than the sea tribes; their morality is of a higher standard, their gratitude is undoubted, and their hospitality to strangers, well ascertained."⁴

Pengkaji merasakan sepanjang kajian ini dijalankan orang Bidayuh di Kampung Sapit juga tidak ketinggalan dengan sifat KeBidayuhan mereka seperti yang dinyatakan oleh Hugh Low tadi.

ii) Agama

Boleh dikatakan hampir 100% daripada penduduk Kampung Sapit beragama Kristian(Anglican). Namun begitu terdapat sebilangan kecil dari mereka yang masih mempercayai amalan animisme dan tidak mempunyai agama. Walaupun mereka menganuti agama Kristian, mereka tidak meninggalkan sepenuhnya kepercayaan lama mereka. Misalnya, jika terdapat penduduk yang sakit, di samping berdoa kepada Tuhan agar cepat sembuh, dia akan berjumpa dengan dukun.

Bagi penduduk yang saudara mara mereka adalah selain daripada beragama Kristian, mereka terpaksa tinggal berasingan. Pada kebiasaan saudara mara mereka itu tadi akan mengikut suami atau isteri dan memeluk agamanya. Perbezaan agama di kalangan mereka tidaklah begitu diambilkira kerana tali persaudaraan tetap

⁴Low Hugh., Op. cit., m.s. 243.

kukuh meskipun selepas berlakunya perkahwinan campur.

Agama Kristian dibawa oleh orang Inggeris dan penduduk Kampung Sapit sudah pun memeluk agama Kristian selepas Perang Dunia Kedua. Hampir kesemua perkampungan suku kaum Bidayuh Tebia menganuti Kristian Mazhab Anglican walaupun di persekitaran Padawan terutama yang berdekatan dengan jalanraya terdapat Mazhab Katolik. Penduduk Kampung Sapit pernah cuba didedahkan kepada agama Kristian New Testament Church (NTC) pada akhir tahun 70an oleh segolongan pemuda kampung itu tetapi tidak berjaya kerana penerimaan penduduk jauh daripada memberangsangkan.

Orang Bidayuh pada dasarnya mempunyai agama primitif yang mengandungi kepercayaan terhadap sesuatu yang "superstitious" kerana takutkan hantu. Walaupun memeluk agama Kristian tetapi agak sukar bagi mereka meninggalkan kepercayaan lama. Mereka memanggil Tuhan sebagai 'Tupa'. Jikalau dalam agama Hindu ada tiga kuasa Brahma, Vishu dan Siva dalam agama tradisional Bidayuh pada 'Tenabi' pencipta dunia material, 'Iang' sebagai pesuruh dan 'Jirong' pencipta dan pemusnah.

Kepercayaan lama ini mudah difahami kerana seperti manusia lain juga orang Bidayuh terdedah kepada kejahanan fizikal, kemiskinan, kemalangan dan penyakit dan hanya Tuhan sahaja yang menentukan segalanya. Di Kampung Sapit pengkaji mendapati penduduknya yang sebilangan besarnya Kristian masih mempunyai agama tradisional. Ritual yang diadakan adalah bukan sahaja memastikan kesejahteraan orang Bidayuh tapi negara amnya.

iii) Organisasi Sosial Komuniti Bidayuh

Organisasi sosial orang Bidayuh agak mudah difahami kerana ciri hidup mereka yang boleh dianggap simpel. Pada zaman dahulu orang Bidayuh boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu kelas atasan dan kelas bawahan. Kelas atasan terdiri daripada pawang, Ketua Kampung, orang yang memiliki harta yang banyak (tanah menjadi status kekayaan) dan pahlawan. Kelas bawahan pula terdiri daripada mereka yang miskin dan pemilikan harta yang terhad. Dalam banyak kes, mereka terpaksa menyewa tanah daripada golongan atasan. Kemiskinan seolah-olah diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Oleh itu, bolehlah dikatakan mobiliti sosial di kalangan komuniti Bidayuh agak terhad.

Sebelum berpecahnya Kampung Kiding kepada beberapa buah Kampung Tebia yang ada sekarang, sungai memainkan peranan yang penting dalam memisahkan suku kaum Bidayuh Tebia daripada suku kaum Bidayuh yang lain. Sungai sering dijadikan sempadan untuk membezakan keluasan kawasan tanah kepunyaan orang Tebia. Misalnya Sungai Tebia telah memisahkan suku kaum Tebia dengan suku kaum Bianah dan ini sering menimbulkan perebutan tanah di kalangan mereka. Hingga sekarang tidak ada sempadan yang tetap dan jelas yang memisahkan tanah orang Tebia dengan orang Bianah dengan bertambah kurangnya peranan sungai sebagai faktor pemisah sesuatu kawasan Bidayuh.

"Pangah" juga penting dalam memahami organisasi sosial orang Bidayuh. Mengikut Hugh Low:

"The 'Pangah' being generally the best house in the village place is not apart for the use of stranger, visiting the tribe; and in all the council of old men are held, and all businesses connected with the welfare of the people is transacted."⁵

'Pangah' menjadi tempat kebiasaan bagi mengadakan majlis keramaian terutama untuk meraikan tetamu kehormat dan menyelesaikan perselisihan. Perselisihan antara kampung diselesaikan dengan memanggil Ketua-ketua Kampung yang terlibat untuk mencari punca perselisihan dan seterusnya cuba berkompromi. Bagi perselisihan antara individu pula, pihak yang terlibat biasanya tidak mempunyai pilihan kerana penyelesaiannya bergantung kepada budibicara Ketua Kampung yang tidak boleh diper-tikaikan.

Di Kampung Sapit terdapat sebuah 'pangah' dan biasanya digunakan ketika diadakan upacara selepas musim menuai. Semasa Gawai Dayak pada hb. Jun setiap tahun juga 'pangah' digunakan untuk upacara Gawai dan tarian tradisional. Oleh kerana 'pangah' juga menjadi tempat untuk menyimpan alat-alat muzik tradisional seperti gong dan tawak, anak-anak mereka mempelajari seni muzik di 'pangah'. 'Pangah' juga menjadi pusat latihan bagi tarian tradisional dan upacara-upacara ritual yang lain.

iv) Kepimpinan Dalam Masyarakat Bidayuh

Sebelum dikenalpastikan siapakah pemimpin-pemimpin Bidayuh itu, haruslah difahami konsep-konsep pemimpin dan kepimpinan untuk senang dilihat dan difahami dengan lebih mendalam akan tanggungjawab dan fungsi-fungsi mereka.

"Pemimpin adalah seorang atau beberapa orang tokoh yang telah diberikan kedudukan yang tertinggi dalam... sesuatu pertubuhan atau organisasi; di mana tokoh atau tokoh-tokoh tadi diberikan amanah oleh ahli-ahli untuk memimpin ke arah mencapai matlamat... .../dalam suatu⁷ tempoh... /seorang pemimpin hendaklah bersifat jujur pada perjuangan pertubuhan; dan berkemampuan merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan strategi pertubuhan; serta berkebolehan menghadapi tekanan dan dugaan."⁶

Manakala kepimpinan adalah suatu proses di mana individu atau individu-individu yang diberikan amanah menduduki sesuatu kedudukan yang lebih tinggi dari ahli-ahli lainnya, telah dilengkapskan dengan kuasa yang sah (legitimate power) untuk menjalankan kegiatan atau aktiviti untuk mencapai sesuatu objektif yang telah diamanahkan kepadanya (mereka). Amanah yang diberikan ... /merangkumi⁷ kepercayaan yang memimpin ahli-ahli lain dari segi memberikan bimbingan, semangat dan pemimpin yang berkesan.⁷

Daripada itu dapatlah dirumuskan yang pemimpin adalah seorang individu atau sekumpulan individu yang memimpin sesuatu golongan manusia (seperti suatu komuniti manusia) ke arah mencapai suatu matlamat-matlamat bersama. Matlamat-matlamat bersama mungkin ditentukan oleh konsensus seboleh-bolehnya. Seorang pemimpin atau sekumpulan pemimpin yang bertanggungjawab adalah yang berusaha penuh


⁶ Lihat, Abd. Malik Haji Mohd. Hanafiah, Pemimpin dan Kepimpinan: Ciri-Ciri Nilai dan Cabarannya, Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kursus Politik dan Kepimpinan, Pemuda UMNO Taiping, pada 1 Januari 1984. Ayat-ayat berkurangan / _____⁷ adalah ayat tambahan.

⁷ Ibid, 8 - 9.

dengan dedikasi mementingkan hasrat perjuangan untuk kepentingan bersama. Lain-lain sifat yang harus ada pada seseorang pemimpin adalah seperti bersifat luhur dan murni, bermoral tinggi, berdisiplin bertolak ansur dan lain-lain.⁸

Sebelum dikenalpastikan pemimpin-pemimpin Bidayuh, terlebih dahulu elok dikemukakan konsep tingkat-tingkat kepimpinan dalam masyarakat Bidayuh. Dapat dikatakan bahawa wujud dua tingkat kepimpinan dalam masyarakat Bidayuh yang merupakan hubungan masyarakat tersebut dengan kerajaan. Kedua-dua tingkat kepimpinan ini menjadi saluran rasmi atau tidak rasmi di antara masyarakat Bidayuh dengan kerajaan. Hubungan yang dimaksudkan ini dapat dilihat daripada gambarajah di bawah.

Gambarajah 1: Tingkat Kepimpinan Dalam Masyarakat Bidayuh



Nota: → Menunjukkan aliran hubungan orang Bidayuh dengan kerajaan

----- Menunjukkan aliran hubungan berkemungkinan

⁸Op. cit., Malek. Lihat m.s. 9-12 untuk ciri-ciri yang harus ada pada seseorang pemimpin.

Tingkat-tingkat kepimpinan yang dimaksudkan ialah tingkat formal dan tingkat tidak formal. Pemimpin tidak formal ini adalah seperti Ketua Kampung, Penghulu dan Pemanca. Pemimpin-pemimpin seperti yang telah disenaraikan itu merupakan golongan pemimpin berpengaruh kuat dalam masyarakat Bidayuh. Jawatan yang paling rendah dalam tingkat kepimpinan tidak formal ialah Ketua Kampung yang mempunyai pengaruh dan kuasa⁹ yang terhad kepada sekitaran kampung yang beliau ketuai. Sementara itu kuasa Penghulu adalah lebih luas iaitu beliau berkuasa ke atas beberapa buah kampung yang berdampingan di dalam satu bahagian (terdapat sembilan bahagian) dalam negeri Sarawak.

Pemimpin-pemimpin tidak formal ini memainkan peranan sokongan (supportive role) dalam pembangunan masyarakat Bidayuh. Sebelum kemasukan Sarawak ke dalam Malaysia, kuasa dan golongan pemimpin ini amat luas dan penting sebagai agen pembangunan masyarakat tersebut. Golongan pemimpin ini juga merupakan hubungan kuasa penjawah dengan masyarakat itu. Tetapi lama kelamaan kuasa dan peranan mereka telah diperkecilkan hingga golongan pemimpin ini tertakluk kepada kumpulan pemimpin baru iaitu pemimpin masyarakat itu.

⁹ Di sini suka diterangkan hubungan pengaruh dan kuasa seperti mana yang mahu dimaksudkan hubungannya. Kuasa dimaksudkan sebagai kuasa sah (legitimate power), sementara pengaruh adalah kemampuan mempengaruhi seseorang melakukan sesuatu mengikut kehendak penyuruhnya, tetapi sekiranya seseorang itu tidak mahu mengikut, si penyuruh itu tidak boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap orang yang disuruh. Perbezaan ini penting kerana ia merupakan ciri pengasingan antara pemimpin Bidayuh. Pemimpin formal mempunyai kuasa dan mungkin juga mempunyai pengaruh ke atas masyarakat Bidayuh. Pemimpin tidak formal mempunyai pengaruh dan bukan kuasa yang sah. Kuasa pemimpin tidak formal merupakan hasil daripada hubungan pemimpin itu dengan masyarakat yang dipimpin. Pengaruh yang ada pada pemimpin tidak formal wujud secara sukarela, manakala pemimpin formal, ia mungkin wujud dan paksaan kerana tiada pilihan.

Seterusnya tingkat kedua dalam kepimpinan masyarakat Bidayuh ialah tingkat formal. Pemimpin-pemimpin tingkat formal adalah pemimpin-pemimpin politik yang kita sedari daripada bilangan ahli-ahli Yang Berhormat (ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat) yang berketurunan Bidayuh. Di sini pemimpin formal Bidayuh dimaksudkan kepada hanya ahli-ahli politik sahaja kerana mereka sahaja yang berpengaruh dan berkuasa mengarah perlaksanaan sesuatu rancangan pembangunan. Inilah perkara yang paling ketara membezakan pemimpin-pemimpin formal dan pemimpin-pemimpin tidak formal. Pemimpin-pemimpin formal berpengaruh dan berkuasa di sebelah penawaran, berhubung dengan kelulusan sesuatu rancangan pembangunan, sementara pemimpin-pemimpin tidak formal berpengaruh di sebelah penerimaan berhubung dengan kejayaan atau kegagalan sesuatu rancangan pembangunan.

Sebagaimana yang diketahui, jawatan pemimpin-pemimpin formal sebagai menteri-menteri merupakan pusat kuasa untuk membolehkan atau tidak sesuatu rancangan pembangunan dilaksanakan.

Pemimpin-pemimpin formal dan tidak formal merupakan aliran hubungan masyarakat Bidayuh dengan kerajaan negeri dan persekutuan. Kedua-duanya sama penting kerana tanpa persetujuan dan persefahaman, kedua-dua tingkat kepimpinan itu sesuatu rancangan pembangunan boleh terganggu.

Ketua Kampung merupakan pemimpin tidak formal masyarakat Bidayuh yang paling penting dalam sesebuah kampung walaupun bidang kuasa dan kedudukannya masih di bawah pengawasan Penghulu atau Pemanca. Di Kampung Sapit, jawatan Ketua Kampung dipegang oleh K.T. Duduh.

Sebagai Ketua Kampung, beliau menikmati beberapa kemudahan dan kedudukan istimewa. Dalam operasi pengeluaran pertaniannya, orang kampung dijangka menolongnya secara bergotong royong tetapi segala hasil pertaniannya menjadi miliknya secara persendirian. Bentuk pertolongan yang lain juga boleh diminta mengikut keperluan masa jika beliau memikirannya penting.

Segala hal yang berkaitan dengan kemajuan dan kebajikan kampung dibincangkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang kadangkala bermesyuarat di 'Pangah' atau rumah Ketua Kampung sendiri. Dalam sesuatu mesyuarat orang muda biasanya menghormati pendapat orang tua walaupun keputusan muktamad terletak pada Ketua Kampung.

Orang Bidayuh Tebia tidak mengiktiraf autoriti seorang ketua sahaja. Oleh itu seseorang pemimpin itu mesti mempunyai pengaruh yang luas dan dalam masa yang sama mempunyai status sosial yang tinggi. Di samping itu, dia mestilah mengadakan hubungan yang erat dengan Ketua-ketua Kampung yang lain kalaupun tidak melalui hubungan kekeluargaan atau perkahwinan. Di Kampung Sapit, K.T. Duduh amat terkenal di kalangan Ketua Kampung yang lain kerana kebolehannya menerajui JKKK yang menyelaraskan pentadbiran di peringkat kampung.

v) Pekerjaan

Kebanyakan orang Bidayuh adalah golongan petani yang mengamalkan pertanian pindah dengan padi bukit, sebagai tanaman utama. Selain daripada pertanian sebagai sumber pendapatan yang

utama, orang Bidayuh juga menjual hasil hutan seperti rotan, buah-buahan dan mengerjakan apa sahaja pekerjaan yang penting bagi keperluan kebajikan sesebuah keluarga.

Penghidupan orang Bidayuh sebagai petani digambarkan oleh St. John Spenser sebagai:

"They plant rice, Indian corn, cucumber, banana, sweet potatoes, sugar cane, kiladis, yams, beans in their farms and gandum and all kind of fruit trees around their villages and on neighbouring hills."¹⁰

Tanah diperturunkan daripada bapa kepada anak dan setiap orang tua tahu akan keluasan tanahnya dengan tepat. Orang kaya biasanya mempunyai 4 atau 5 kali keluasan tanah miliknya lebih besar daripada penduduk biasa. Apabila seseorang itu mati, tanahnya dan harta pusaka akan dibahagikan secara saksama di kalangan anaknya tanpa membezakan jantina dan umur.

Pencapaian masyarakat Bidayuh di dalam bidang pendidikan seperti mana yang digambarkan oleh bidang pekerjaan tidak begitu memuaskan; bahkan pencapaian itu adalah sangat pathetik. Jadual 3 jelas menunjukkan ketinggalan masyarakat Bidayuh di dalam tiga bidang pekerjaan terpilih. Kejayaan yang dicapai oleh sesuatu masyarakat dapat dilihat dari bilangan penyertaan kaum-kaum itu di dalam bidang pekerjaan yang memerlukan pendidikan yang tinggi untuk sesuatu pekerjaan.

¹⁰ St. John, Spencer, Life in the Forest of Far East, Vol. 1, Oxford University Press, London, 1974, m.s. 170.

Jadual 3: Penglibatan Kaum Mengikut Jenis Industri, 1970

Industri	Melayu	Melanau	Dayak Laut	Dayak Darat	Lain Orang Asli	Cina	Lain-Lain	Jumlah
Pertanian, Perhutanan, Pemburu dan Memancing	29,554 (12%)	11,359 (4.6%)	129,904 (52.6%)	27,305 (11.1%)	18,781 (7.5%)	28,781 (11.7%)	1,106 (0.4%)	246,555 (100%)
Production and Related Workers	9,805 (27.4%)	2,592 (7.3%)	2,400 (6.7%)	964 (2.7%)	760 (2.1%)	18,717 (52.4%)	493 (1.4%)	35,731 (100%)
Professional Technical and Related Workers	1,817 (16.5%)	451 (4.1%)	1,384 (12.5%)	632 (5.7%)	330 (2.0%)	5,708 (51.7%)	(6.5%)	11,044 (100%)

Rujukan: Khoo Teck Huat (ed.), Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak, Kuching: Jabatan Perangkaan, 1980

Nota: Data di atas dipetik dari rujukan di atas dan ia menunjukkan kegiatan-kegiatan dalam bidang-bidang tertentu mengikut keturunan. Data dikutip untuk tahun 1970

Di dalam Jadual 4 kita mendapati bahawa sebilangan kecil ahli-ahli masyarakat Bidayuh telah mendapat pendidikan formal di 3 peringkat persekolahan terpilih.

Jelaslah daripada pendidikan yang rendah, kebanyakan ahli masyarakat Bidayuh tidak layak mengikuti berbagai-bagai pekerjaan di dalam setiap bidang industri. Maka dengan pendidikan yang rendah atau tidak ada pendidikan langsung, mereka terpaksa menceburkan diri hanya di dalam bidang pertanian atau menjual tenaga buruh mereka.

Kita mesti faham yang pendidikan ialah satu proses yang lama dan berpanjangan. Hasil pendidikan tidak dapat dinikmati dengan begitu cepat. Ia memerlukan perancangan jangka panjang. Jika sedikit bilangan ahli masyarakat Bidayuh dididik di dekad ini, maka kesannya hanya dapat dirasai dua atau tiga dekad kemudiannya. Suatu kaum yang ketinggalan di dalam pembangunan akan terus menderita kerana mereka tidak ada peluang dan daya untuk meningkatkan taraf hidup dan mempengaruhi masa depan mereka sendiri.

Di Kampung Sapit, akhir-akhir ini di mana kesemua penduduknya adalah petani, mereka lebih mementingkan tanaman yang boleh dijual seperti lada, getah, koko dan kopi. Hasil-hasil tanaman mereka dijual di Kampung Abang Bura kepada tauke-tauke Cina. Salah seorang tauke Cina yang terkenal ialah Ah Lek yang memiliki kedai yang besar di Kampung Abang Bura. Harga getah misalnya, bila berada di paras yang paling tinggi mencapai \$2.40 sekilogram tetapi bila jatuh ke paras yang paling rendah boleh jadi 70 sen sekilogram. Purata jualan setiap penduduk ialah 20 kilogram oleh kerana perjalanan kaki yang agak lama

Jadual 4: Taraf Pencapaian Pendidikan Mengikut Kaum

Peringkat Sekolah	Melayu	Melanau	Dayak Laut	Dayak Darat	Lain Orang Asli	Cina	Lain-Lain	Jumlah
Sekolah Rendah Tamat Semua Tahun	13,044 (18%)	3,440 (4.7%)	8,413 (11.6%)	4,464 (6.0%)	1,993 (2.8%)	40,992 (56.2%)	495 (0.7%)	72,294 (100%)
Tingkatan 5 Mendapat Sijil	786 (11.3%)	94 (1.3%)	358 (5.1%)	222 (3.1%)	67 (1%)	5,124 (74%)	293 (4.2%)	6,944 (100%)
STPM Sijil	107 (5.2%)	8 (0.4%)	62 (3.0%)	28 (1.4%)	10 (0.5%)	1,155 (57%)	662 (34.6%)	2,032 (100%)

Rujukan: Chander, R. (ed.), Jadual 1-Jadual Asas Penduduk Bahagian XIII Sarawak, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1970, Jadual 1.

Nota: Jadual 4 menunjukkan jumlah pelajar-pelajar di tiga peringkat persekolahan terpilih mengikut keturunan bagi negeri Sarawak. Data ini dibuat dari beberapa data yang terdapat di muka surat 156 hingga 161 dalam rujukan di atas.

(4 - 5 jam). Walau bagaimanapun mengikut Ketua Kampung Sapit, bukanlah masalah turun naik harga komoditi utama dan jarak yang jauh yang menjadi masalah utama penduduk Kampung Sapit tetapi masalah kekurangan tanah. Terdapat penduduk yang terpaksa menyewa tanah dari penduduk Indonesia dan Kampung-kampung Tebia lain yang berdekatan.

Umumnya, sebahagian besar orang Bidayuh mengamalkan pertanian secara lama yang sudah semestinya berbentuk kepunyaan keluarga untuk sara diri, buruh intensif dan primitif, modal yang minimal dan kepakaran dan organisasi yang rendah. Angka rasmi menunjukkan bahawa 48.7% daripada orang Bidayuh masih terlibat dengan penanaman padi dan 23% terlibat dalam tanaman jualan seperti getah, lada dan koko sebagai pekebun kecil. Orang Bidayuh juga terlibat dalam penternakan binatang seperti babi, ayam dan kambing tetapi jarang sekali untuk tujuan komersial. Selain pertanian dan penternakan, ada juga kecenderungan menjadi buruh kasar.

Di Kampung Sapit, teknik dan kaedah pengeluaran adalah kurang produktif dan tidak membawa kepada keuntungan dan kekayaan yang banyak. Kebanyakan mereka hidup dalam keadaan yang susah.

BAB III

PENYERTAAN DAN PERILAKU POLITIK DI KAWASAN TEBIA, PADAWAN

Dalam mengkaji politik di peringkat bawahan, adalah perlu untuk mengetahui penyertaan dan perilaku politik komuniti tersebut. Penyertaan dan perilaku politik adalah sesuatu yang kompleks disebabkan ia merangkumi hubungan manusia dalam masyarakat yang dinamik. Oleh itu, ia melibatkan zaman sekarang dan masa hadapan tanpa membelakangkan fakta sejarah. Penyertaan dan perilaku politik bolehlah dianggap sebagai penglibatan individu atau kumpulan dalam aktiviti-aktiviti politik. Ia boleh dirangsang oleh faktor seperti ekonomi, sosio-budaya dan agama. Dengan penjelasan mengenai penyertaan dan perilaku politik ini, diharapkan dapat memudahkan pemahaman terhadap fakta-fakta yang dikemukakan.

1. Kekerabatan dan Keturunan

Dalam banyak hal kekerabatan dan keturunan merupakan aspek penting dalam penyertaan dan perilaku politik terutama di peringkat bawahan. Bagi orang Bidayuh, kekerabatan dan keturunan banyak mempengaruhi penyertaan dan perilaku politik mereka. Orang Bidayuh tradisional umumnya menganggap faktor kekerabatan dan keturunan akan mempengaruhi corak dan keberkesanan kepimpinan seseorang ketua Bidayuh. Misalnya seorang ketua dari keturunan orang kaya dijangkakan mampu menunjukkan kepimpinan karismatik di mana ketua itu diharapkan mempunyai kebolehan istimewa dan luar biasa. Oleh itu, ketua yang dipilih melalui proses undian selalunya mempunyai harta kekayaan

yang boleh dibanggakan. Ketua sesuatu suku kaum Bidayuh juga adalah orang yang paling aktif dalam kegiatan politik berbanding dengan majoriti anak-anak buahnya.

Di Kampung Sapit, faktor kekerabatan dan keturunan juga penting dalam menentukan kejayaan seseorang ahli politik. Namun begitu, faktor keturunan dan kekerabatan tidak semestinya dapat menjamin kejayaan pemimpin Bidayuh dalam pilihanraya. Faktor lain seperti perbezaan ideologi politik dan personaliti pemimpin Bidayuh yang bertanding juga biasanya memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dari keturunan dan kekerabatan. Misalnya dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak 1983, seorang calon dari Kampung Kiding yang mempunyai ramai kaum kerabat di perkampungan Tebia yang lain termasuk Kampung Sapit dianggarkan tidak mendapat 3/4 daripada undi penduduk kawasan Tebia.¹ Malah ramai pemerhati politik yang berpendapat inilah faktor utama yang membawa kepada kekalahannya kepada calon Bebas Encik Wilfred Nissom. Walau bagaimanapun dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak 1991 imej dan personaliti Encik William Tanyuh di kalangan penduduk kawasan Tebia agak menonjol dan beliau dengan agak mudah mengalahkan Encik Wilfred Nissom. Bagi orang Bidayuh agama bukan sesuatu yang penting dalam politik dan sering dipisahkan agama daripada politik. Kalau dibandingkan ekonomi dengan politik faktor kekerabatan dan keturunan lebih penting dalam aspek ekonomi. Misalnya, dalam sektor pertanian dan perniagaan

¹ Perbincangan pengkaji dengan beberapa pemimpin tidak formal Bidayuh Tebia seperti Ketua Kampung dan councillor yang telahpun meramalkan kekalahan calon SUPP pada ketika itu. Calon SUPP itu ialah Encik William Tanyuh.

ia biasanya bercorak kekeluargaan dan sekaligus memerlukan keturunan.

Di Kampung Sapit dan kebanyakan perkampungan Tebia yang lain, lazimnya Ketua Kampong merupakan pemimpin politik yang penting. Oleh itu, K.T. Duduh adalah pemimpin politik yang dihormati. Walaupun beliau cuma menjadi ahli biasa SUPP cawangan Padawan, peranan beliau sebagai Ketua Kampung penting untuk mempengaruhi anak buahnya agar sentiasa setia kepada SUPP. Di samping itu, Encik Bernard Basu, juga pemimpin politik yang aktif di Kampung Sapit tetapi telah berhijrah ke salah sebuah perkampungan Tebia iaitu Kampung Abang Bura. Beliau telah disingkirkan daripada SUPP setelah didapati menyokong parti pembangkang dalam pilihanraya Sarawak 1983 dan kini beliau telah menganggotai DAP.

Jadual 5: Senarai ADUN N.10 Bongoh 1979-1991

William Tanyuh Nub	SUPP	1979-1981
William Tanyuh Nub	SUPP	1981-1983
Wilfred Nissom	BEBAS	1983-1987
*Sora Rusal	PBDS	1987-1990
William Tanyuh Nub	SUPP	1991-

* Beliau telah menyertai PBB pada 1988

i) Peringkat Komuniti Dalam Sebuah Daerah

Penyertaan dan perilaku politik orang Bidayuh di peringkat komuniti dalam sesebuah daerah banyak menimbulkan konflik dan perbolahan politik. Dalam komuniti Bidayuh itu sendiri ada pelbagai

ia biasanya bercorak kekeluargaan dan sekaligus mementingkan keturunan.

Di Kampung Sapit dan kebanyakannya perkampungan Tebia yang lain, lazimnya Ketua Kamupng merupakan pemimpin politik yang penting. Oleh itu, K.T. Duduh adalah pemimpin politik yang dihormati. Walaupun beliau cuma menjadi ahli biasa SUPP cawangan Padawan, peranan beliau sebagai Ketua Kampung penting untuk mempengaruhi anak buahnya agar sentiasa setia kepada SUPP. Di samping itu, Encik Bernard Basu, juga pemimpin politik yang aktif di Kampung Sapit tetapi telah berhijrah ke salah sebuah perkampungan Tebia iaitu Kampung Abang Bura. Beliau telah disingkirkan daripada SUPP setelah didapati menyokong parti pembangkang dalam pilihanraya Sarawak 1983 dan kini beliau telah menganggotai DAP.

Jadual 5: Senarai ADUN N.10 Bongoh 1979-1991

William Tanyuh Nub	SUPP	1979-1981
William Tanyuh Nub	SUPP	1981-1983
Wilfred Nissom	BEBAS	1983-1987
*Sora Rusal	PBDS	1987-1990
William Tanyuh Nub	SUPP	1991-

*Beliau telah menyertai PBB pada 1988

i) Peringkat Komuniti Dalam Sebuah Daerah

Penyertaan dan perilaku politik orang Bidayuh di peringkat komuniti dalam sesbuah daerah banyak menimbulkan konflik dan pergolakan politik. Dalam komuniti Bidayuh itu sendiri ada pelbagai

'sub-group' yang mempunyai dialek yang sedikit berbeza. Pada tahap yang tertentu perasaan prejedis di kalangan mereka memang sukar dinafikan dan mungkin mengatasi perasaan prejedis orang Bidayuh terhadap bangsa-bangsa lain amnya. Secara keseluruhannya perasaan prejedis wujud di kalangan orang Bidayuh tanpa mengira daerah dan pengkaji merasakan sebahagian besarnya disebabkan oleh "inferiority complex". Orang Bidayuh yang berkediaman di kawasan pedalaman dianggap lebih "inferior" daripada orang Bidayuh yang tinggal dekat bandar Kuching. Ini bermakna prejedis di kalangan Bidayuh sendiri wujud di daerah Bidayuh yang utama seperti Bau, Serian, Padawan dan sebagainya. Oleh itu, perasaan prejedis di kalangan Bidayuh boleh mencorakkan keadaan politik Bidayuh sendiri terutama dari segi aspirasi dan perjuangan.

Di kawasan Padawan di mana terletaknya Kampung Sapit, komuniti Bidayuh terdiri daripada beberapa "sub-group" yang lebih kecil. Di antaranya ialah suku kaum Bidayuh Tebia, Sennah, Panyawa, Simpok dan Parioh. Pergolakan politik di kalangan orang Bidayuh di Padawan wujud apabila umumnya komuniti Bidayuh di Padawan sukar mencapai persefahaman dan perpaduan. Misalnya adalah agak sukar bagi suku kaum Bidayuh Sennah untuk memberikan sokongan dan kerjasama kepada suku kaum Bidayuh Tebia dan sebaliknya. Orang Bidayuh Tebia tetap dipandang sebagai "inferior" dan tidak boleh menjadi tokoh politik meskipun berkualiber dan mempunyai kelulusan akademik yang tinggi. Malah mengikut beberapa orang responden utama, golongan Bidayuh yang dianggap "superior" enggan menyertai parti politik yang sama dengan golongan Bidayuh yang dianggap "inferior". Dari segi

perlantikan untuk menjadi pemimpin tidak formal Bidayuh yang lebih tinggi daripada Ketua Kampung seperti Penghulu dan Pemancha pula ternyata ada ketidaksamaan peluang untuk menyandang jawatan itu di kalangan suku kaum Bidayuh di Padawan. Seseorang Penghulu komuniti Bidayuh di Padawan selalunya dilantik dari kalangan Bidayuh Sennah dan Simpok. Orang Bidayuh Tebia dianggap "inferior" dalam semua aspek kehidupan dan yang paling ketara ialah dalam bidang akademik. Walaupun sudah ada Bidayuh Tebia yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi sehingga memasuki universiti dalam dan luar negeri, kedudukan sosial mereka dianggap masih sama dengan rakan rakan golongan Tebia mereka yang lain. Kalau dahulu orang Bidayuh Tebia yang bekerja di ladang-ladang Bidayuh Simpok akan diberi gaji yang sama dengan buruh-buruh dari Indonesia. Oleh itu tidak keterlaluan jikalau dinyatakan di sini bahawa Bidayuh yang lain sebenarnya menganggap orang Tebia sama taraf dengan pendatang tanpa izin Indonesia yang bekerja di Sarawak.

Penyertaan dan perilaku politik komuniti Bidayuh di Padawan boleh dikatakan masih dipengaruhi oleh kepercayaan lama. Orang Bidayuh yang berkediaman di kawasan pedalaman dan pergunungan seperti orang Tebia dipercayai penakut kerana tidak berani menghadapi musuh mereka dari bangsa lain terutama Iban yang sering melancarkan serangan ke atas perkampungan Bidayuh. Mengikut kepercayaan lama ini juga orang Bidayuh Tebia malarikan diri ke kawasan pergunungan untuk mencari tempat persembunyian. Maka jelaslah bahawa meskipun orang Bidayuh Tebia mampu menjadi pemimpin politik yang berkaliber orang Bidayuh lain tetap sukar menerima hakikat ini atas kepercayaan bahawa orang

Bidayuh Tebia tidak mampu menyuarakan hak dan kepentingan orang Bidayuh secara umumnya. Oleh itu meskipun orang Bidayuh di Padawan majoritinya memasuki parti SUPP, ini tidak menjamin bahawa mereka akan menyokong SUPP sekiranya komuniti Pusat SUPP meletakkan orang Bidayuh Tebia sebagai calonnya. Orang Bidayuh di Padawan juga agak sensitif sehingga dengan cuma menirukan cara percakapan sesuatu "sub-group" oleh "sub-group" yang lain sudah cukup untuk menaikkan perasaan benci dan kemarahan sesama mereka. Anehnya perkara ini tidak timbul sekiranya bangsa lain yang cuba meniru gaya percakapan sesuatu "sub-group" Bidayuh itu. Pengkaji diberitahu oleh beberapa orang responden bahawa pernah terjadi suatu kes di mana peniruan gaya percakapan golongan Sennah oleh golongan Panyawa telah menimbulkan ketegangan di kalangan golongan yang terlibat.

ii. Pakatan Di Antara Kampung

Pakatan bolehlah dimaksudkan sebagai perjanjian secara tak formal untuk saling bantu-membantu demi kebaikan pihak yang terlibat. Pakatan di antara kampung amat jelas dalam penyertaan dan perilaku politik orang Bidayuh. Perkara ini sebenarnya telah dipermudahkan lagi oleh faktor seperti pembahagian "sub-group" Bidayuh sendiri, keturunan dan daerah yang sama. Dalam pemilihan seorang Ketua Kampung Bidayuh, kemenangannya bukan semata-mata bergantung kepada penduduk kampungnya sahaja tetapi juga sokongan dari kampung-kampung lain yang berhampiran juga kadang-kadang menjadi faktor penentu. Sokongan kamupng lain penting dalam pemilihan seorang ketua bagi menambahkan popularitinya dan menjalin penerusan semangat kerjasama di kalangan

penduduk kampung yang terlibat. Demikian juga halnya dengan pilihanraya di peringkat negeri; kepentingan pakatan di antara kampung di kawasan majoriti Bidayuh tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

Di kawasan orang Bidayuh Tebia, suatu macam pakatan memang sedia wujud di antara kampung orang Tebia seperti Kampung Kiding, Kampung Sapit, Kampung Kakas, Kampung Parang, Kampung Asom, Kampung Nusaraya dan Kampung Abang-Bura. Pakatan yang wujud bukan sahaja mempunyai kepentingan sosial tetapi juga politik terutama dalam jangka masa panjang. Dari segi sosialnya pakatan yang ada membolehkan penduduk kampung mengadakan gotong-royong untuk memperbaiki jalan dan membina jambatan. Dalam jangka masa panjang pula, penduduk yang terlibat akan merasakan pentingnya semangat kekitaan semasa pilihanraya untuk memilih calon yang akan memperjuangkan nasib dan kebijakan mereka. Pakatan Kampung Sapit dengan Kampung Tebia yang lain juga jelas dimanifestasikan dengan tertubuhnya sebuah koperasi yang dipanggil Darud 'Pennerissen'. Penggunaan perkataan 'Darud' yang bermaksud gunung melambangkan pemuaafakatan di kalangan penduduk Tebia yang secara kbetulan berkediaman berhampiran dengan Gunung Pennerissen. Penubuhan koperasi tersebut adalah atas usaha sama dan inisiatif kampung-kampung orang Tebia untuk memudahkan pemasaran hasil pertanian mereka dengan harapan dapat mengelakkan eksplorasi orang tengah. Di samping itu, acara sukan tahunan yang dinamakan 'Pesta Sukan Tahunan Tebia' juga diadakan menjelang Hari Gawai untuk mewujudkan semangat perpaduan di kalangan mereka. Semasa kajian ini dijalankan Kampung Kiding diberi penghormatan menjadi tuan rumah sukan tersebut.

Pengkaji sendiri turut serta dalam sukan tradisional orang Tebia seperti acara menyumpit dan TEGEG (berlari dengan menggunakan dua batang buluh dan hampir sama dengan "tilts race").

Pakatan di antara kampung orang Tebia menyebabkan majoriti daripada penduduknya menganggotai parti SUPP. Bagi mereka walaupun SUPP sering dianggap sebagai parti orang Cina, atas dasar pakatan antara kampung, mereka sebahagian besarnya memilih SUPP. Lagipun orang Tebia merasakan tidak ada bezanya di antara pemimpin Cina yang peka kepada masalah mereka dengan pemimpin Bidayuh yang mengambil berat dan memperjuangkan nasib mereka. Malah sesetengah mereka berpendapat adalah lebih baik mempunyai pemimpin Cina yang berkeperihatinan sebagai Wakil Rakyat kawasan mereka daripada pemimpin Bidayuh yang sompong dan bongkak dan berperangai macam kacang lupakan kulit. Maka tidak hairanlah bagi kawasan Parlimen Padawan (P.159) Wakil Rakyat mereka ialah Encik Yong Khoon Seng dan Wakil Rakyat kawasan Dewan Undangan Negeri Bengoh (N.10) ialah Encik William Tanyuh Nub; kedua-duanya dari parti SUPP. Sebenarnya kawasan Padawan merupakan kubu kuat SUPP dan rekod parti itu adalah amat cemerlang di Padawan. Parti pembangkang cuma dapat menewaskan SUPP pada Pilihanraya Negeri Sarawak 1987 bila mana calon SUPP Louis Nigel Gines dikalahkan oleh calon PBDS Sora Rusah. Walau bagaimanapun Sora Rusah keluar dari PBDS dan menganggotai PBB pada 1988. Pada Pilihanraya 1991, SUPP tetap ingin mengukuhkan kedudukannya di Padawan dengan mencalonkan William Tanyuh Nub tanpa memberi peluang kepada PBB untuk mencalonkan Sora Rusah. Tindakan SUPP itu agak bijak apabila William Tanyuh berjaya mengalahkan lawannya yang tidak asing lagi

di Padawan Wilfred Nissom dari PBDS. Kemenangan ini adalah sesuatu yang manis dan bermaruah kepada William Tanyuh yang pernah kalah kepada Wilfred Nissom pada 1983.

Kegiatan dan asas pengukuhan SUPP di Padawan dapat dilihat dari sumbangannya kepada kampung-kampung Bidayuh terutama apabila kampung itu ingin menganjurkan acara sukan khususnya pertandingan bolasepak. Tokoh-tokoh SUPP seperti Datuk Amar Stephen Yong, Encik Yong Khoon Seng dan Encik Williem Tanyuh biasanya dapat diharapkan untuk memberikan sumbangan peribadi dalam bentuk kewangan untuk menjayakan pertandingan tersebut. Satu contoh yang baik ialah semasa Pesta Sukan Tebia di mana sebahagian besar kos pengendaliannya dibiayai oleh Encik William Tanyuh Nub. Tokoh Cina dari SUPP seperti Encik Yong Khoon Seng pula bukan sahaja fasih berbahasa Bidayuh tetapi selalu meluangkan masa untuk bersama orang Bidayuh terutama pada musim Hari Gawai. Di samping itu, ada juga pemimpin Bidayuh yang didatangkan khas ke bandar Kuching untuk mempelajari propaganda dan ideologi SUPP. Dari segi bantuan kewangan tokoh-tokoh SUPP sukar ditandingi oleh parti-parti pembangkang yang lain khasnya PBDS.

2. Hubungan Penaung Yang Dinaungi

Hubungan penaung yang dinaungi umumnya lebih merupakan hubungan di antara pemimpin dengan yang dipimpin dalam memenuhi kepentingan bersama sosio-politik mereka. Ini bermakna yang dipimpin itu terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Di kalangan orang Bidayuh, mereka begitu mengharapkan sumbangan pemimpin mereka terutama apabila berhadapan dengan isu hak milik



Gambar 3: Pesta Sukan Tebia

Gambar menunjukkan dua buah pasukan bolasepak yang beraksi dalam Pesta Sukan Tebia yang diadakan di Kampung Kiding dari 3hb. Mei 1991 - 3hb. Jun 1991. Pasukan yang berjulur hitam putih ialah dari Kampung Kiding sementara yang kuning ialah dari Kampung Semban; sebuah pasukan jemputan. Dalam perlawanan akhir pasukan Kamupng Semban berjaya mengalahkan pasukan Kampung Kiding dengan jaringan 4 - 1



Gambar 4: Semangat Pakatan Antara Kampung Orang Tebia

Beginilah keadaan apabila bas yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk Padawan sering rosak. Namun atas semangat pakatan antara kampung orang-orang Tebia ini secara sukarela memberikan pertolongan. Perhatikan golongan wanita dibiarkan dalam bas sahaja

tanah merupakan asas bagi sumber rezeki utama mereka. Pemimpin Bidayuh pula amat mengharapkan sokongan dan kerjasama dari orang Bidayuh dalam meningkatkan taraf hidup orang Bidayuh baik dari segi politik, sosial maupun ekonomi. Sokongan yang paling diperlukan dari orang Bidayuh ialah ketika menghadapi pilihanraya.

Sebagai penaung, pemimpin Bidayuh yang dianggap berkaliber bukan sahaja setakat berkemampuan memanipulasikan sesuatu isu tetapi berkebolehan menyatukan pandangan dan sikap orang Bidayuh terhadap masalah yang mereka hadapi. Misalnya, slogan 'Patut Garang Bdiayuh Mangga Kaya' sering digunakan oleh pemimpin Bidayuh untuk mempertahankan bahawa kemiskinan yang berleluasa di kalangan mereka adalah disebabkan sikap dan mentaliti orang Bidayuh sendiri. Dalam konteks ini, pemimpin Bidayuh tidak dijangkakan cuba mengalihkan pandangan ahlinya terhadap masalah kemiskinan mereka daripada disebabkan sikap dan mentaliti mereka kepada diskriminasi kaum yang lain.

Di kampung Sapit, penduduknya memang selalu mengharapkan agar mereka dapat memelihara hubungan baik mereka dengan pemimpin mereka di semua peringkat terutama Wakil Rakyat kawasan mereka. Mereka begitu berkeyakinan bahawa politik pembangunan yang menjadi nadi perjuangan Kerajaan Negeri Sarawak dapat dinikmati kalaupun tidak dengan sepenuhnya cuma berdiri teguh di belakang parti Barisan Nasional. Sebarang usaha untuk mengubah sokongan mereka daripada parti Barisan Nasional dianggap penipuan belaka kerana umumnya mereka mempunyai pendirian bahawa pemimpin mereka yang meyertai parti selain daripada Barisan Nasional tidak akan mengharapkan undian mereka semasa pilihanraya. Pendirian penduduk Kampung Sapit

adalah berdasarkan keberkesanan "Minor Rural Development Project" (MRDP) yang dilancarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dengan ringkasnya, hubungan penaung yang dinaungi di Kampung Sapit banyak bergantung kepada pihak mana yang disokong oleh penaung iaitu sama ada dia menyokong Barisan Nasional atau parti pembangkang. Di pihak yang dinaungi pula, kesungguhan mereka mengekalkan hubungan dengan penaung agak subjektif kerana pilihanraya sering menjadi ukuran dan faktor penentu.

3. Institusi "Nyarok"

Institusi "nyarok" telah lama wujud dalam masyarakat Bidayuh terutama dalam kelompok Bidayuh Sadong dan Bidayuh Biatah. Institusi "nyarok" ialah sejenis lawatan muhibah yang dilakukan oleh penduduk sebuah Kampung Bidayuh ke sebuah Kampung Bidayuh yang lain untuk mengekalkan tali persahabatan di kalangan mereka. "Nyarok" boleh dikatakan sebagai budaya turun temurun orang Bidayuh dan ini ada kaitan dengan sejarah asal-usul mereka. Jika ditanya orang-orang tua Bidayuh, kebanyakan mereka akan mengatakan yang tempat asal mereka ialah dari batang kapuas, sebuah sungai yang merintis Kalimantan, Indonesia. Penghijrahan mereka ke negeri Sarawak disebabkan mencari tanah yang subur untuk bertani seperti juga orang Iban. Cerita-cerita lain berkenaan dengan asal-usul masyarakat Dayak dapat dibaca daripada mitologi Dayak.² "Nyarok" bukanlah lawatan rasmi tetapi ia memerlukan persetujuan Ketua Kampung yang terlibat yang biasanya menghantar wakil ke kampung yang ingin

²Lihat Roth, Henry L., *The Nature of Sarawak and British North Borneo*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1980.

dilawati untuk menguruskan hal-hal berbangkit mengenai "nyarok". Wakil itu biasanya orang tua yang pakar dalam adat-istiadat Bidayuh dan dari keturunan pahlawan dan digelar "Tua Gawai".

Rombongan yang mengadakan "nyarok" itu akan tinggal di rumah-rumah penduduk jadi pilihan tuan rumah untuk jangka masa 3 - 4 hari. Segala perbelanjaan makanan dan minuman menjadi tanggungan pihak tuan rumah. "Pangah" menjadi pusat pertemuan yang penting untuk bermusyawarah, mengadakan ritual, majlis tarian tradisional dan pelbagai upacara lagi.

Kewujudan institusi "nyarok" mengikut "Tua Gawai" Bemog Sida dari Kampung Kiding pada mulanya berpunca daripada tercapainya persetujuan perdamaian antara Kampung Bidayuh yang terlibat dalam peperangan dan saling bermusuhan sesama mereka. Walau bagaimanapun institusi "nyarok" mempunyai kepentingan politik terutama dalam jangka panjang. Tokoh-tokoh Bidayuh akan sedaya-upaya menghadirkan diri setiap kali diadakan "nyarok" kerana ia dianggap wadah untuk menyatupadukan orang Bidayuh. Pemimpin Bidayuh yang mengambil berat tentang "nyarok" akan disanjungi kerana dia berusaha mengekalkan budaya dan identiti Bidayuh dan menunjukkan teladan yang baik dengan berbangga menjadi orang Bidayuh. Lazimnya, "nyarok" diadakan sekali dalam dua tahun selepas setiap musim penebangan pokok dalam pertanian pindah. Namun demikian, kekerapan "nyarok" juga bergantung kepada budibicara "Tua Gawai" yang sentiasa menasihati Ketua Kampung tentang keperluan dan hal-hal "nyarok".

Keistimewaan dan keunikan institusi "nyarok" dapat dilihat dari segi kejayaannya mengekalkan keharmonian, perpaduan dan kerjasama politik di kalangan orang Bidayuh. Penduduk Kampung Sapit selalu mengadakan "nyarok" dengan kampung-kampung Tebia yang lain dan juga rakan-rakan Bidayuh mereka di Kalimantan, Indonesia. Dengan adanya institusi "nyarok", ketua-ketua Bidayuh kerap kali mengambil kesempatan untuk menonjolkan bakat kepimpinan mereka terutama golongan muda. Bagi calon yang mempunyai visi untuk bertanding dan memenangi pilihanraya pula "nyarok" adalah masa yang amat sesuai untuk memperkenalkan diri dan menunjukkan maka kepada para pengundi. Kadang-kadang penduduk kampung yang tidak terlibat dengan "nyarok" tetapi kampungnya berdekatan juga turut hadir untuk menyaksikan upacara-upacara yang diadakan sepanjang "nyarok" terutama pertunjukan kebudayaan. Kebelakangan ini ramai orang Bidayuh yang menganggap institusi "nyarok" mempunyai "political mileage" yang penting

Sepanjang tempoh "nyarok" diadakan percakapan seseorang mesti mengambil kira kepentingan orang lain dahulu. Bahasa yang digunakan adalah lembut dan tidak sekali-kali bermaksud untuk menghina maupun menyakitkan orang lain. Untuk menambahkan kemeriahuan suasana "nyarok", diadakan persembahan muzik dan tarian tradisional. Peserta "nyarok" masing-masing bersuka ria kerana kebanyakan persembahan yang diadakan adalah untuk menghiburkan penduduk dan pelawat dan ini menonjolkan keriangan dan bukannya bertujuan komersial. Orang Bidayuh mempercayakan bahawa dalam memberikan hiburan kepada orang lain, kita mengharapkan pulangan.

Sebenarnya sifat ini dibuktikan bukan sahaja ketika "nyarok" tetapi semasa Hari Gawai, upacara lain dan juga pada hari-hari biasa.

Keberkesanan "nyarok" dapat dilihat dalam menaikkan populariti dan imej pemimpin Bidayuh. Pada 1988, "nyarok" diadakan secara besar-besaran antara Kamupng Kiding sebagai pelawat dan Kampung Semban sebagai tuan rumah. "Nyarok" ini telah mendapat liputan yang agak luas dari RTM dan akhbar di Sarawak. Seorang pemimpin Bidayuh yang boleh dikatakan muka baru dalam politik Sarawak, Encik Sora Rusah tiba-tiba sahaja menjadi sangat popular di kalangan masyarakat Bidayuh kerana turut hadir ketika "nyarok" diadakan bersama Datuk Robert Jacob Ridu. Ramai orang Bidayuh di Padawan terutamanya Bidayuh Tebia merasakan Encik Sora Rusa, mempunyai peluang yang cerah untuk menang sekiranya diberi peluang untuk mempertahankan kerusi Bengoh walaupun baru bertukar parti dari PBDS kepada PBB. Walau apapun, seperti yang telah dijelaskan, kawasan Padawan merupakan kubu kuat SUPP dan ia tidak rela kejatuhan-nya kepada parti lain termasuk juga PBE yang menjadi rakannya dalam Barisan Nasional.



Gambar 5: Tarian "Rajang Langgi" Semasa "Nyarak"

Salah satu acara yang diadakan semasa "nyarak" ialah "Rajang Langgi"; sejenis tarian tradisional yang turut disertai oleh gadis-gadis dan juga wanita tua. Gambar ini diambil semasa "nyarak" antara Kampung Kiding dan Kampung Gun yang bersebelahan dengan Kampung Sapit di sempadan Sarawak-Kalimantan pada 1989

4. Slogan "Patut Garang Bidayuh Mangga Kaya"

Slogan "Patut Garang Bidayuh Mangga Kaya" adalah berasaskan anggapan orang Bidayuh bahawa kegagalan mereka mencapai sesuatu matlamat bukan disebabkan oleh faktor ketidakmampuan tetapi disebabkan oleh sikap orang Bidayuh yang tidak melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Dengan maksud yang lebih jelas lagi bukannya orang Bidayuh tidak boleh mencapai kekayaan tetapi sengaja orang Bidayuh tidak mempunyai kemahanan yang bersungguh-sungguh. Misalnya, jika seorang Bidayuh berjaya dipilih untuk menjadi ketua dalam sesuatu persatuan, dia akan berpuas hati dengan pencapaiananya dan jarang-jarang sekali mempunyai cita-cita yang lebih tinggi daripada kedudukannya yang sedia ada itu. Akhir-akhir ini ada orang Bidayuh yang menganggap slogan itu sebagai suatu mitos tetapi golongan ini tidak boleh menafikan fakta yang menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di kalangan komuniti Bidayuh luar bandar adalah yang tertinggi di kalangan semua komuniti di Malaysia. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, kadar kemiskinan di kalangan orang Bidayuh adalah yang tertinggi iaitu 64.9%. Kadar kemiskinan mengikut keturunan ini juga menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di kalangan orang Cina adalah yang paling rendah iaitu 8.5%. Oleh itu kalau dibandingkan kemiskinan di kalangan orang Bidayuh dengan orang Cina, didapati bahawa orang Bidayuh adalah hampir tapan kali lebih miskin daripada orang Cina.

Setengah pemimpin utama orang Bidayuh berpendapat orang Bidayuh tidak seharusnya menyalahkan bangsa lain dan kerajaan terhadap kemunduran mereka dalam pelbagai bidang yang seterusnya

membawa kepada kemiskinan yang berleluasa di kalangan mereka.

Encik Peter Minos pernah mengatakan:

"We are not bemoaning or complaining. We must throw the habit of blaming other races or the government. We must instead analyse and examine our own strength and weaknesses and just struggle as hard as the others who are already successful."³

Di Kampung Sapit, slogan "Patut Garang Bidayuh Mangga Kaya" digunakan secara meluas dalam budaya politik mereka dan juga aspek kehidupan yang lain. Seringkali kedengaran sungutan di kalangan penduduk mengatakan sampai tahun 2000 pun mereka akan tetap kurang berjaya dalam bidang pendidikan. Pandangan mereka adalah berdasarkan hakikat bahawa sehingga kajian ini dijalankan cuma seorang sahaja pelajar mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi daripada sijil SPM iaitu Encik Basung dengan kelulusan STPM. Fenomena ini ada kaitan dengan kedudukan sosio-ekonomi mereka yang rendah. Sebenarnya kebanyakan keluarga Bidayuh mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang lebih rendah dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

Jadual 6 menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan isirumah orang Bidayuh ialah \$384 sementara perbelanjaan per kapita mereka ialah cuma \$71. Jumlah ini adalah yang paling rendah dibandingkan dengan kumpulan etnik yang lain. Perbelanjaan isirumah dan per kapita yang rendah adalah disebabkan oleh pendapatan yang rendah dan ini ada kaitan dengan aktiviti pertanian utama mereka iaitu

³Sila lihat "SALCRA/DBNA Land Development Seminar", Kampung Buman Gega, Mongkos, Serian 19hb. April 1991, m.s. 2.

Jadual 6: Purata Saiz Isi Rumah dan Penyara Tiap Rumah, Purata Bulanan Perbelanjaan Isi Rumah
Dan Per Kapita Mengikut Kumpulan Etnik - Sarawak - 1982

Kumpulan Etnik	Purata Saiz Isi Rumah	Purata Bilangan Penyara Tiap Isi Rumah	Perbelanjaan Isi Rumah			Perbelanjaan Isi Rumah			Per Kapita
			Jumlah	Makanan	Jumlah Makanan	Jumlah	Makanan	Jumlah Makanan	
Melayu	5.56	1.51	704	285	419	126	51	75	
Melanau	5.23	1.66	865	317	548	165	60	105	
Iban	4.29	1.26	518	247	271	121	58	63	
Bidayuh	5.42	1.29	384	201	183	71	37	34	
Lain-Lain Bumiputera	4.59	1.50	864	289	575	188	63	125	
Cina	5.06	1.68	997	328	669	197	65	132	
Lain-Lain	4.00	1.17	1,450	300	1,150	363	75	288	
Jumlah	4.94	1.46	711	277	434	144	56	88	

Sumber: Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 1982 seperti yang terdapat dalam Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sarawak, 1990.

pertanian pindah yang bersifat sara diri. Oleh itu, kebanyakan keluarga Bidayuh tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap.

Semasa menjelangnya pilihanraya, slogan "Patut Garang Bidayuh Mangga Kaya" digunakan sebagai taktik berkempen. Pengundi Bidayuh amat responsif terhadap slogan ini dan seringkali dijadikan dorongan untuk mencapai kejayaan. Oleh itu memang tidak dapat dinafikan, slogan ini penting dalam memahami penyertaan dan perilaku politik orang Bidayuh.

BAB IV

DAYAK BIDAYUH 'NATIONAL ASSOCIATION'(DBNA)

DBNA membawa erti yang besar kepada orang Bidayuh terutamanya dalam memelihara hak dan kedudukan mereka. Pengkaji merasakan adalah kurang lengkap untuk mengkaji politik orang Bidayuh tanpa penjelasan mengenai DBNA. Ini adalah memandangkan DBNA penting untuk mengetahui siapa dia kaum Bidayuh. Kita biasanya mendengar cogankata yang menggambarkan orang Bidayuh adalah sama dengan orang Iban sebagai "The Wild Men of Borneo" atau "The Headhunters". Gambaran ini mengenai orang Bidayuh bukan sahaja terdapat di kalangan orang luar negeri, bahkan juga di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, hinggakan ada setengah orang pula yang berpendapat bahawa orang-orang Bidayuh itu masih tinggal di hutan dan memotong kepala. Dengan adanya penjelasan mengenai DBNA yang sedikit sebanyak mempengaruhi proses-proses pembentukan sikap-sikap dan pola-pola tingkah laku orang Bidayuh diharapkan kita memahami dengan lebih jelas siapakah sebenarnya orang Bidayuh. Seterusnya ini akan memudahkan pemahaman terhadap politik orang Bidayuh di Sarawak.

1. Matlamat

DBNA ditubuhkan pada 1976. Penubuhan DBNA pada dasarnya bukanlah bermatlamatkan politik kerana ia bukannya pertubuhan politik. Penubuhan DBNA diasaskan oleh beberapa orang cendekiawan Bidayuh yang ingin melihat bangsa mereka mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang setaraf dengan bangsa-bangsa lain kalaupun tidak lebih maju

lagi. Salah seorang pengasas DBNA ialah Datuk Robert Jacob Ridu yang kini menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak. Beliau juga menjadi Presiden DBNA yang pertama sebelum jawatannya diambil alih oleh Presiden DBNA yang ada sekarang iaitu Encik Peter Minos. DBNA yang beribu pejabat di Jalan Ong Tiang Swee, Kuching mempunyai 18 cawangan di seluruh Sarawak. Semua orang Bidayuh yang berumur 21 tahun ke atas adalah layak menjadi ahli. Hingga kini jumlah ahli yang mendaftar dianggarkan lebih kurang 15,000.

Matlamat DBNA ialah untuk mengembangkan kebudayaan orang Bidayuh di samping menjaga kebajikan mereka. Perkara ini diakui dan ditegaskan oleh Encik Peter Minos dengan menyatakan bahawa:

"The purpose of the set-up of the association is to promote our Bidayuh culture and also to look after the welfare of our race."¹

Untuk mencapai matlamatnya, DBNA telah melakukan beberapa usaha. Salah satu daripadanya ialah memberi penekanan terhadap pendidikan formal kepada orang Bidayuh. Dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak yang bersetuju memberikan Peruntukan Permulaan (Initial Grant) sebanyak \$150,000 dan Tabung Pendidikan (Education Fund) sebanyak \$50,000. DBNA diharapkan dapat meningkatkan taraf pendidikan formal orang Bidayuh. Hadiah-hadiah kewangan diberikan kepada pelajar Bidayuh yang menunjukkan prestasi yang meyakinkan dan mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Rancangan ini melibatkan lebih kurang 100 buah sekolah rendah di seluruh Sarawak

¹ Borneo Post, Isnin, 6hb. Mei 1991.

di mana hadiah-hadiah dalam bentuk kewangan diberikan kepada 3 pelajar yang terbaik dalam setiap kelas. Di samping itu DBNA juga menyediakan hadiah kewangan kepada pelajar Bidayuh yang cemerlang dalam peperiksaan SRP, SPM dan STPM.

DBNA juga mengadakan seminar pendidikan dan untuk memenuhi matlamat ini, sokongan daripada Guru Besar sekolah amat diperlukan. Guru Besar pula akan menggunakan saluran seperti Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) dan mengadakan pertemuan hampir setiap minggu. Kejayaan seminar pendidikan yang diwujudkan oleh DBNA banyak bergantung kepada penerimaan ibubapa dan guru yang seterusnya diharapkan dapat menyedarkan pelajar Bidayuh ke arah keberkesanan pembelajaran dan pencapaian akademik yang tinggi.

Dari segi ekonomi DBNA memainkan peranan yang penting untuk mengetengahkan isu-isu ekonomi agar taraf ekonomi orang Bidayuh dapat dipertingkatkan lagi. Untuk tujuan ini, sering diadakan seminar pembangunan tanah anjuran bersama DBNA/SALCRA (Sarawak Land Consolidation Authority) di kampung-kampung Bidayuh. Bagi DBNA, masa depan sosio-ekonomi orang Bidayuh amat bergantung kepada pembangunan tanah mereka yang sedia ada. Tanah terbiar dan digunakan oleh orang Bidayuh secara langsung kurang ekonomik harus dibangunkan melalui kerjasama dengan agensi kerajaan seperti SALCRA. Kesungguhan dan kesediaan DBNA untuk membantu membangunkan tanah orang Bidayuh agak jelas apabila Encik Peter Minos menegaskan:

"The question we must ask ourselves should be: have we Bidayuh make maximum use of land? Have we tried our best in getting our land officially titled for

the profitable planting of cash crops such as cocoa, coffee, tea, oil palm and pepper? In short have we Bidayuh planned and struggled hard enough like others."²

Memperkembangkan dan menonjolkan kebudayaan orang Bidayuh juga merupakan matlamat DBNA. Melalui persembahan tarian tradisional dan pelbagai kebudayaan Bidayuh yang lain. DBNA mengharapkan agar orang Bidayuh bangga dengan identiti mereka di samping menunjukkan bahawa orang Bidayuh wujud di Malaysia. Di samping Hari Gawai Dayak, Hari Bung Bratak yang jatuh pada 1hb. Mei setiap tahun juga menjadi detik sejarah yang penting bagi orang Bidayuh. DBNA telah mewujudkan Hari Bung Bratak agar orang Bidayuh dapat mengingatkan kembali asal-usul mereka. Bung Bratak, sebuah gunung yang terletak di daerah Bau dikatakan tempat yang paling awal diduduki oleh orang Bidayuh di Sarawak setelah berhijrah dari Kalimantan, Indonesia. Dari situ lah mereka berpindah ke merata-rata tempat di sekitar Kuching untuk mengelakkan diri daripada serangan kaum lain terutamanya Iban.

2. Penerimaan Orang Bidayuh

Sebelum membincangkan penerimaan orang Bidayuh terhadap DBNA adalah perlu untuk memerihalkan kawasan tumpuan tempat tinggal orang Bidayuh. Dari segi penempatan, kebanyakan orang Bidayuh terdapat di Bahagian Pertama iaitu Kuching. Tempat-tempat yang menjadi kawasan tumpuan tempat tinggal mereka ialah Bau, Lundu, menjadi kawasan tumpuan tempat tinggal mereka ialah Bau, Lundu, Serian, Tebakang, Padawan, Penrissen dan di persekitaran Jalan Serian, Tebakang, Padawan, Penrissen dan di persekitaran Jalan

² SALCRA/DBNA Land Development Seminar, Kampung Bunau Gega, Mongkos, Serian, 19hb. April 1991, m.s. 2

Kuching-Serian. Orang Bidayuh dibahagikan kepada 3 sub-kelompok yang utama iaitu Bau, Biatah dan Sadong. Kelompok Bau tertumpu di kawasan Bau dan Lundu. Kelompok Biatah tertumpu di kawasan Padawan, Penrissen dan persekitaran Jalan Kuching-Serian sementara kelompok Sadong tertumpu di Serian.

Pembahagian kepada 3 sub-kelompok yang utama boleh dipecahkan kepada sub-kelompok yang lebih kecil. Kelompok Bau yang lebih dominan ialah Jagoi dan Singghei walaupun terdapat juga kelompok kecil yang lain. Dalam kelompok Biatah terdapat banyak lagi kelompok-kelompok yang lebih kecil seperti Tebia, Sennah, Panyawa dan sebagainya. Kelompok Sadong yang utama pula ialah Bukau Sadong dan Sadong Tebakang. Kebanyakan orang Bidayuh tinggal di kampung yang berdekatan dengan kawasan pergunungan dan di kawasan bukit. Namun begitu terdapat juga yang masih tinggal di rumah panjang di tepi-tepi sungai terutamanya kelompok Sadong dan setengah kelompok Biatah. Sebuah rumah panjang mempunyai tidak kurang daripada sepuluh pintu.³ Seperti rumah panjang orang Iban juga, sebuah rumah panjang diketuai oleh seorang Ketua Rumah yang diberikan elaun oleh kerajaan.

Kalau dibandingkan dengan kawasan Bidayuh yang lain, kawasan orang Tebia bukan sahaja yang paling jauh di pedalaman tetapi juga setengah kampung seperti Kampung Kiding dan Kampung

³Sepintu menunjukkan satu unit dalam rumah panjang yang diduduki oleh sekeluarga yang boleh terdiri daripada dua atau tiga generasi. Peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan tidak lama dahulu ialah seorang Ketua Rumah dibayar elaun jika rumah panjang yang beliau ketuai itu tidak kurang daripada sepuluh pintu.

Sapit didirikan dekat dengan lereng gunung. Jikalau kita bahagikan Padawan kepada Padawan Bawahan dan Padawan Atasan, orang Tebia berkediaman di Padawan Atasan iaitu kawasan tanah tinggi. Keadaan ini membawa kepada kemunduran orang Tebia yang tidak disengajakan. Sebenarnya ramai daripada anggota masyarakat Bidayuh tinggal di kawasan luar bandar tetapi boleh dikatakan orang Tebia adalah golongan yang paling sukar dihubungi sama ada melalui jalan darat, air maupun udara. Masalah perhubungan ini menyulitkan usaha pembangunan. Perkampungan orang Tebia didapati berkelompok di kawasan terpencil dan sukar dihubungi dengan begitu cepat. Oleh itu, bukan sahaja rancangan memberi kemudahan kepada setiap kampung merumitkan tetapi usaha DBNA untuk membantu orang Tebia juga sukar. Akibatnya orang Tebia merasakan DBNA membelakangkan mereka dan ini menyukarkan penerimaan orang Tebia terhadap DBNA. Misalnya, Seminar Pendidikan yang menjadi sebahagian daripada kegiatan DBNA tidak pernah diadakan di kawasan orang Tebia. Hadiah kewangan yang disediakan oleh DBNA juga sukar diterima oleh pelajar Tebia disebabkan mereka sukar memenuhi syaratnya di samping persaingan dari orang Bidayuh yang lain.

Penerimaan orang Bidayuh terhadap DBNA secara keseluruhannya adalah menggalakkan dan memuaskan walaupun perubahan sikap dan mentaliti orang Bidayuh masih boleh diperbaiki. Misalnya masih ramai lagi orang Bidayuh yang menganggap DBNA cuma adalah untuk segelintir orang Bidayuh sahaja dan bukannya untuk orang Bidayuh, oleh orang Bidayuh dan kepada orang Bidayuh. Golongan kelompok Bau Singghei misalnya menganggap pengisytiharan Hari Bung Bratak oleh

58 -

DBNA boleh memecahbelahkan masyarakat Bidayuh lebih teruk daripada masa yang sudah. Alasan yang diberikan ialah kelompok utama orang Bidayuh masing-masing mempunyai tempat yang paling awal diduduki zaman dahulu dan bukannya Bung Bratak sahaja. Kelompok Biatah dipercayai mempunyai pusat penempatan awal di Rabak Mengkabong dan kelompok Sadong pula berasal dari Gahat Mawang. Perbezaan tempat asal-usul ini dikhawatirkan akan mendorong kelompok Biatah dan kelompok Sadong berusaha untuk mengisytiharkan Hari Rabak Mengkabong dan Hari Gahat Mawang seperti juga Hari Bung Bratak. Kepimpinan Encik Peter Minos sering dikritik kerana beliau yang berasal dari kelompok Bau Jagoi mengasaskan Hari Bung Bratak yang secara kebetulan terletak di kawasan kelompok Bau Jagoi.

Umumnya orang Bidayuh dari luar bandar terutamanya golongan tua berpendapat DBNA adalah untuk orang Bidayuh yang berpendidikan tinggi sahaja disebabkan kebanyakan kegiatan DBNA terlalu menekankan pencapaian akademik orang Bidayuh. Tambahan pula dalam setiap aktiviti DBNA, Bahasa Inggeris digunakan dan ini menyukarkan penyertaan golongan tua yang rata-ratanya buta huruf. Oleh itu mereka merasakan adalah tidak perlu untuk bergiat aktif dalam DBNA dan aktivitinya. Penggunaan Bahasa Malaysia oleh DBNA dalam aktivitinya juga menimbulkan masalah kerana kebanyakan pemimpin utama DBNA mendapat pendidikan dalam Bahasa Inggeris. Bagi golongan tua pula, mereka lebih fasih dalam Bahasa Melayu Sarawak.

Penerimaan orang Bidayuh juga berbeza terhadap DBNA mengikut ada atau tidaknya pemimpin yang berasal dari kawasan mereka dalam Exco

DBNA. Umumnya penerimaan orang Bidayuh dari kawasan Bau dan Serian adalah lebih membanggakan daripada penerimaan orang Bidayuh dari Padawan. Ini mungkin disebabkan oleh masalah komunikasi kerana rata-ratanya kawasan di Padawan masih terkebelakang dari segi hubungan jalanraya. Di samping itu, orang Bidayuh dari Padawan terutamanya orang Tebia enggan menyertai DBNA kerana mengikut senarai ahli-ahli Exco DBNA pada 1989/90, mereka tidak mempunyai wakil dalam badan tertinggi itu. Ada atau tidaknya pemimpin Bidayuh dari sesuatu kawasan yang mewakili kelompok mereka penting apabila membincangkan penerimaan orang Bidayuh terhadap DBNA. Dengan kehadiran wakil mereka dalam Exco sahaja segala pandangan dan kemusyikan mereka dapat disarankan.

Pencapaian

DBNA secara amnya, agak berjaya mencapai matlamatnya walaupun dalam masa yang sama terdapat juga kegalannya. Kejayaan DBNA amat jelas dalam bidang pendidikan orang Bidayuh bila mana DBNA dapat mengurangkan kadar buta huruf di kalangan komuniti Bidayuh daripada lebih 80% kepada kurang daripada 70%. Kalau dahulu pada akhir tahun 1970an dan awal 80an orang Bidayuh lebih suka membelikan barang elektrik seperti radio dan televisyen daripada menghantar anak mereka ke sekolah. Kini sikap negatif mereka itu beransur-ansur hilang. Lebih ramai ibubapa mengutamakan pelajaran anak-anak mereka daripada membelanjakan pendapatan mereka untuk peralatan rumah. Di samping itu, semakin ramai anak-anak Bidayuh yang menunjukkan minat dan kecemerlangan mereka dalam bidang akademik.

Peringkat awal perkembangan pendidikan di kalangan masyarakat Bidayuh cuma menyaksikan kemajuan di kampung-kampung di mana persekolahan paling awal diperkenalkan oleh penjajah British. Pendidikan paling maju dicapai oleh penduduk Kampung Quop bagi Biatah dan di Kampung Sagah bagi kelompok Bau Singghei. Pendidikan dikatakan mula di-dedahkan kepada orang Bidayuh di Kampung Sagah iaitu di Sekolah Rendah Bantuan St. John. Pada tahun 1980an perkembangan pendidikan di kalangan orang Bidayuh menjadi lebih pesat dan DBNA banyak bertanggungjawab terhadap kemajuan pendidikan orang Bidayuh.

Kejayaan DBNA juga bergantung kepada kesanggupan lebih ramai tenaga muda terutama yang berpendidikan tinggi menerajui DBNA. Akhir-akhir ini ramai daripada mereka ini tampil ke hadapan untuk mengemukakan idea-idea yang progresif untuk memajukan orang Bidayuh. Di antara pemimpin Bidayuh yang menerajui DBNA ialah Cr Roland Sagah, Dr. Eric Munjan, Encik John Ahwang dan ramai lagi orang Bidayuh lulusan universiti dalam dan luar negeri. Penglibatan mereka dalam DBNA adalah secara sukarela dan didapati usaha mereka utnuk membawa mesej DBNA kepada orang Bidayuh bukanlah sesuatu yang mudah. Kesanggupan dan kesungguhan mereka ini sewajarnya dicontohi oleh lebih ramai orang Bidayuh.

Keberkesanan DBNA sebagai kuasa utama dalam memobilisasikan orang Bidayuh dipengaruhi oleh sumber kewangannya. Pelancaran program dan aktivitinya pada suatu tahap yang tertentu memang bergantung kepada sumbangan Kerajaan Negeri Sarawak terutama dalam bentuk kewangan. Memandangkan ketergantungan DBNA kepada Kerajaan Negeri hampir sukar dielakkan, DBNA perlu bekerjasama dengan Kerajaan Negeri

di bawah Barisan Nasional untuk melaksanakan politik pembangunannya. Maka timbulah kritikan-kritikan yang dilemparkan terhadap DBNA mengatakan yang ia adalah pertubuhan yang berbau politik dan pro-kerajaan. Malah kedudukan DBNA yang banyak bergantung kepada kerajaan sering menjadi tanda tanya dan menimbulkan dilema orang Bidayuh. Sesetengah pengkritik DBNA berpendapat DBNA merupakan alat pengawalan tingkah laku orang Bidayuh oleh kerajaan.

4. Cabaran dan Harapan

DBNA sebagai sebuah pertubuhan yang menjaga kepentingan orang Bidayuh terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan dalam masa yang sama tidak menghamparkan harapan orang Bidayuh. Mungkin cabaran yang paling utama ialah untuk membasmi kemiskinan di kalangan orang Bidayuh. Ini bermakna cabaran itu datangnya dari kehidupan ekonomi orang Bidayuh dan cara bagaimana mereka mencari penyelesaian terhadap isu-isu ekonomi mereka. Encik Peter Minos berpendapat:

"The high level of absolute poverty among our people is not the creation of others but more on the ways and methods on how we have been conducting our economic lives and on how we think and look at things around us."⁴

Masalah kemiskinan orang Bidayuh berkait rapat dengan hakmilik dan penggunaan tanah orang Bidayuh. Lebih daripada 95% daripada tanah orang Bidayuh adalah tanpa hakmilik yang sah dan di bawah kategori "Native Customary Rights" (NCR). Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab

⁴SALCRA/DBNA Land Development Seminar, ibid, m.s. 2. -

pemimpin politik orang Bidayuh dan DBNA untuk berbincang, memujuk dan mendesak supaya Jabatan Tanah dan Ukur mengenalpasti dan memberikan hakmilik yang sah kepada tanah orang Bidayuh.

Adalah amat jelas bahawa orang Bidayuh kekurangan modal kepakaran dan organisasi yang sesuai untuk memajukan tanah mereka. Memandangkan hal yang demikian, mereka tidak ada pilihan lain selain daripada memberi kerjasama dan bekerjasama dengan kerajaan. Kebanyakan pemimpin Bidayuh memang berpendapat bahawa orang Bidayuh tidak akan kehilangan apa-apa apabila bekerjasama dengan kerajaan. Cuma dengan cara inilah orang Bidayuh membangunkan tanah mereka yang mana jika cuma dengan daya usaha orang Bidayuh sendiri, kemungkinan besar akan dibiarkan tanpa apa-apa pulangan.

Cabaran yang dihadapi oleh DBNA juga datangnya daripada golongan Bidayuh yang berpendapat bahawa orang Bidayuh seharusnya memainkan peranan yang lebih penting dalam politik Sarawak. Walau bagaimanapun persoalannya ialah dengan hanya 5/56 majoriti, apakah yang mungkin orang Bidayuh dapat membuat impak dan mempengaruhi trend politik Sarawak. Daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri, kawasan di mana orang Bidayuh adalah majoriti ialah Bau, Lundu, Bengoh, Tarat dan Tebakang. Kerusi Dewan Undangan Negeri di kawasan ini dimenangi oleh parti SNAP, SUPP dan PBB. Bagi kawasan Parlimen pula, orang Bidayuh adalah majoriti dalam cuma 3 daripada 170 kawasan. Kawasan-kawasan itu ialah Mas Gading, Padawan dan Serian dan masing-masing diwakili oleh parti SNAP, SUPP dan PBDS. DBNA amat berhati-hati dan sentiasa peka terhadap sejarah perkembangan parti politik di

Sarawak di mana corak parti perkauman seperti yang diamalkan di Semenanjung Malaysia telahpun dicuba di Sarawak dan didapati tidak praktik. Ini disebabkan penyusunan semula sistem parti akan melibatkan golongan-golongan tertentu yang akan tertindas. Kegagalan PBDS dalam politik Sarawak telah menjadi ikhtibar kepada DBNA agar ia tidak dijadikan pertubuhan politik.

Jadual 7: Klasifikasi Kawasan Undi

Kawasan Undi		Peratus Taburan Mengikut Kumpulan Etnik					
Iban - 17 Kerusi	Iban	Bidayuh	Melayu/ Melanau	Cina	K/K/K	Lain- Lain	
Lingga (N.15)	71	-	22	8	-	-	
Sri Aman (N.58)	58	-	20	21	-	-	
Engkili (N.17)	86	-	2	12	-	-	
Batang Ai (N.18)	96	-	1	3	-	-	
Layur (N.20)	71	-	19	10	-	-	
Krian (N.22)	82	-	9	9	-	-	
Igar (N.29)	51	-	21	28	-	-	
Dundang (N.30)	81	-	2	16	-	-	
Pakan (N.33)	99	-	-	1	-	-	
Meluan (N.34)	95	-	-	5	-	-	
Machan (N.35)	74	-	3	23	-	-	
Ngemah (N.36)	94	-	1	5	-	-	
Katibas (N.37)	93	-	3	4	-	-	
Pelagus (N.38)	80	-	4	16	-	-	
Baleh (N.39)	99	-	-	-	-	-	
Tatar (N.14)	67	-	19	6	-	-	
Kamena (N.42)	45	-	26	32	-	-	

Melayu/Melanau
- 15 Kerusi

Petra Jaya (N.5)	9	-	75	13	-	2
Satok (N.6)	2	-	73	24	-	1
Sebandi (N.7)	11	-	76	13	-	-
Muara Trang (N.8)	14	-	77	9	-	-
Semera (N.13)	19	-	72	8	-	-
Gedong (N.14)	41	-	51	8	-	-
Seribas (N.19)	23	-	73	4	-	-
Kaleka (N.21)	35	-	58	7	-	-
K. Rajang (N.23)	27	-	69	4	-	-
Matu Dawo (N.24)	14	-	82	4	-	-

Balingian	(N.31)	40	-	50	10	-	-
Oya	(N.32)	25	-	68	7	-	-
Subin	(N.43)	40	-	45	14	-	1
Limbang	(N.47)	-	-	40	22	38	-
Lawas	(N.48)	2	-	46	12	39	-

Cina - 6 Kerusi

Padingan	(N.3)	2	-	4	94	-	-
Stampin	(N.4)	5	-	13	81	-	1
Batu Kaung	(N.9)	-	25	17	57	-	-
Rapok	(N.25)	23	-	1	75	-	-
Merodong	(N.26)	38	-	13	49	-	-
Maling	(N.27)	4	-	9	88	-	-
Seduan	(N.28)	8	-	23	69	-	-
Miri	(N.44)	9	-	19	69	-	3


Kayan/Kenyoh/Kelabit - 3 Kerusi

Belaq	(N.41)	1	-	-	2	93	-
Mencudi	(N.45)	20	-	10	18	52	-
Telang Usan	(N.46)	-	-	-	3	97	-

Bidayuh - 5 Kerusi

Lundu	(N.1)	-	44	38	18	-	-
Tasik Biru	(N.2)	1	62	9	28	-	-
Bengoh	(N.10)	2	60	2	36	-	-
Tarat	(N.11)	17	41	13	29	-	-
Tebakang	(N.12)	48	43	4	6	-	-

Sumber: Jayum A. Jawan, 1987, "The Sarawak State Election of 1987: The Dayakism Factor", Kuala Lumpur.



Peta 4: Kawasan Undi Dewan Undangan Negeri Sarawak

Petunjuk

N.1	Lundu	N.25	Repok
N.2	Bau	N.26	Meradong
N.3	Padungan	N.27	Maling
N.4	Stampin	N.28	Seduan
N.5	Petra Jaya	N.29	Igan
N.6	Satok	N.30	Dudong
N.7	Sebandi	N.31	Balingian
N.8	Muara Tuang	N.32	Oya
N.9	Batu Kawa	N.33	Pakam
N.10	Bengoh	N.34	Meluan
N.11.	Tarat	N.35	Machan
N.12	Tebakang	N.36	Ngemah
N.13	Semena	N.37	Karibas
N.14	Gedong	N.38	Pelagus
N.15	Lingda	N.39	Baleh
N.16	Sri Aman	N.40	Belaga
N.17	Engkilili	N.41	Tatau
N.18	Batang Ai	N.42	Kemena
N.19	Saribas	N.43	Subis
N.20	Layar	N.44	Miri
N.21	Kalaka	N.45	Marudi
N.22	Krian	N.46	Telang Iban
N.23	Kuala Rajang	N.47	Limbong
N.24	Matu Dara	N.48	Lawas

BAB V

KAWALAN DAN PENGKADERAN POLITIK

SUPP Cawangan Padawan

Parti SUPP ditubuhkan pada 1960 dan serentak dengan itu telah memperkembangkan sayapnya ke seluruh negeri Sarawak termasuk Padawan. Setelah menubuhkan cawangannya di Padawan, SUPP boleh dikatakan mempunyai kedudukan yang agak selesa dalam pilihanraya kawasan Parlimen. Walau bagaimanapun situasi ini amat berbeza bagi kerusi Dewan Undangan Negeri N.10 Bengoh yang juga dalam kawasan Padawan. Bekas Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze yang juga menjadi Pengurus Pusat SUPP selalu mendapat kemenangan yang meyakinkan sepanjang kariernya sebagai ahli politik di Padawan. Di peringkat kawasan pula, calon-calon SUPP biasanya menghadapi persaingan yang sengit daripada parti pembangkang iaitu PBDS, DAP, Parti Negara dan Calon Bebas. Misalnya pada Pilihanraya Sarawak 1983, calon SUPP Encik William Tanyuh telah kalah kepada Encik Wilfred Nissom, seorang calon Bebas. Pada Pilihanraya Sarawak 1987 pada calon SUPP Encik Louis Nigel Gines telah kalah kepada Encil Sora Rusah dari PBDS.

Kebanyakan ahli jawatankuasa pengasas SUPP cawangan Padawan terdiri daripada mereka yang berumur lebih daripada 50 tahun tetapi masih bergiat cergas dalam politik. Mereka ini terdiri daripada Penghulu, Pemanca, Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat. Perlantikan ahli jawatankuasa SUPP biasanya adalah atas nasihat ADUN walaupun

dalam banyak kes ia bergantung kepada budibicara Presiden SUPP sendiri. Dari segi keahlian pula, SUPP dikatakan mempunyai ahli seramai hampir 800 orang iaitu 2.3% daripada penduduk setempat. Kebanyakan ahlinya terdiri daripada kaum Cina dan keadaan ini telah menjelaskan lagi imej SUPP sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan kaum Cina. Walaupun SUPP dimonopoli oleh kaum Cina, sudah mewujud suatu macam kompromi di mana calon SUPP keturunan Cina diletakkan dalam kawasan Parlimen dan calon SUPP Bidayuh bagi kawasan Dewan Undangan Negeri. Monopoli kaum cina dipermudahkan lagi disebabkan kebanyakan ahli dari kaum Bidayuh adalah buta huruf dan tidak pernah mendapat pendidikan formal.

Bagi SUPP, Padawan merupakan kawasan yang istimewa dan sentiasa mempertahankannya daripada jatuh kepada parti komponen Barisan Nasional apatah lagi ke tangan pembangkang. Misalnya, dalam Pilihanraya Sarawak 1983, Datuk Amar Stepeh Yong telah mendakwa bahawa calon SUPP di Bengoh telah dilawan oleh calon Bebas yang mendapat sokongan dari komponen parti Barisan Nasional. Walaupun Datuk Amar Yong tidak menyebut nama parti pembangkang tetapi tuduhan itu mengaitkan parti PBB.¹ Strategi utama SUPP untuk menghadapi lawannya adalah dengan mendapatkan sokongan tokoh-tokoh komuniti Bidayuh yang berpengaruh di samping peniaga-peniaga dan taukeh-taukeh Cina. Dengan ini bantuan kewangan mudah diperolehi semasa pilihanraya.

¹ Lihat Jayum A. Jawan, Kemunduran Masyarakat Dayak, dalam Ilmu Masyarakat Januari, Mac, Jun 1984, Persatuan Sains Sosial Malaysia, m.s. 57.

Untuk memperluaskan pengaruh SUPP, ahli-ahlinya digalakkan menyertai kelas politik SUPP yang diadakan di Kuching. Golongan yang menjadi sasaran utama ialah generasi muda yang diharapkan dapat menerajui kepimpinan SUPP di masa depan. Oleh itu, pengkaji merasakan SUPP mempunyai organisasi yang berkesan dan teratur untuk menghadapi pilihanraya. Di perkampungan Tebia termasuk juga Kampung Sapit, melalui Ketua Kampungnya sudah cukup baik untuk mendapat sokongan daripada penduduk-penduduk kampung. Penerimaan orang Tebia dan penduduk Kampung Sapit terhadap SUPP agak memuaskan.

2. Peranan SABERKAS (Kesatuan Belia Sarawak)

SABERKAS ditubuhkan pada Mac 31, 1973. Walaupun tujuan penubuhannya adalah untuk mewujudkan golongan belia yang berkemahiran, dinamik dan progresif tetapi banyak pihak yang menganggap bahawa tujuan sebenarnya adalah untuk tujuan pengkaderan politik. SABERKAS yang diasaskan oleh PBB diharapkan dapat menanam semangat cintakan Malaysia di kalangan belia dan ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama dari golongan Bumiputera. Memandangkan kebanyakan pemimpin utama SABERKAS adalah pemimpin utama PBB, sudah tentu matlamat penubuhannya lebih cenderung kepada perjuangan PBB dan sekaligus menampakkan bahawa SABERKAS merupakan alat kawalan pengaruh politik yang penting.

Sebagai sebuah pertubuhan berbilang kaum, keahliannya terbuka kepada semua kaum. Kebanyakan aktivitinya bercorak pertanian dan tidak hairanlah ia menerima sambutan yang menggalakkan daripada kaum peladang. Begitu juga halnya dengan penduduk di kawasan

perkampungan Tebia khasnya Kampung Sapit. Mereka amat mengalu-alukan pemberian baka-baka buah-buahan yang bermutu baik. Di samping itu, pada hari perayaan seperti Gawai Dayak, diadakan pelbagai pertandingan anjuran SABERKAS dan yang paling popular ialah pertandingan bolasepak.

Aktiviti SABERKAS di Kampung Sapit agak terhad kerana ia sering digabungkan dengan aktiviti-aktiviti di Kampung Tebia yang lain yang berpusat di Kampung Kiding. Salah satu aktiviti SABERKAS kawasan Tebia yang paling menonjol ialah sajian hiburan semasa majlis perkahwinan melalui bank muziknya yang dipanggil Kumpulan DVS. SABERKAS juga telah membentuk tabung kewangan bagi membantu pelajar Tebia yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti. Penerima pertama, hadiah kewangan yang bernilai \$100.00 itu ialah Bornica Bisan dari Kampung Kiding yang menuntut di UPM.

Memang tidak dapat dinafikan SABERKAS amat berpengaruh sebagai sebuah jentera pilihanraya. Ini adalah disebabkan pemimpinnya terdiri daripada individu-individu yang berpengaruh sementara ahli-ahlinya pula terdiri daripada golongan petani yang menjadi majoriti di luar bandar. "Public image" SABERKAS agak merosot sebagai pertubuhan belia dengan kehadiran pemimpin politik terutamanya dari PBB. Salah seorang daripadanya ialah Encik Tuyuk Sogod yang menjadi Timbalan Pengurus PBB cawangan Padawan. Beliau mula bergiat aktif dalam politik di kawasan Padawan pada 1987 dan mempunyai pengaruh yang kuat terutamanya di kampung orang Tebia. Pada kebiasaannya, apabila SABERKAS ingin menganjurkan pertandingan bolasepak, Encik Tuyuk Sogod sering dilantik menjadi Pengurus Jawatankuasa Pengelola. Sebagai seorang tokoh muda

dalam PBB, beliau diharapkan dapat mempengaruhi pemimpin PBB yang lain agar memberikan sokongan terutama dari segi kewangan dalam menjayakan pertandingan tersebut.

3. Peranan Tebia 'Regional Development Committee' (TRDC)

TRDC ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atas persetujuan Ketua-ketua Kampung Tebia bagi mengekalkan semangat perpaduan dan persaudaraan di kalangan orang-orang Tebia. TRDC ditubuhkan pada Mei 1982 demi untuk mengekalkan imej dan identiti, Orang Kampung Tebia di samping menyelaraskan projek pembangunan di kawasan mereka. Presiden TRDC ialah Encik William Tanyuh Nub yang juga merupakan seorang councillor. Pada umumnya Majlis Exco Tertinggi TDRC terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi di kalangan orang Kampung Tebia dan juga orang perseorangan yang berjaya dalam kerjayanya. Pengecualian diberikan kepada Ketua Kampung di mana status mereka sebagai anggota tertinggi adalah secara automatik.

Di antara tujuan penubuhan TDRC ialah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan orang Tebia, mewujudkan pakatan antara kampung, menganjurkan Pesta Sukan Tahunan Tebia dan merancang dan mengelolakan aktiviti pembangunan kawasan Tebia. Bagi mencapai matlamat ini salah satu strategi yang digunakan ialah dengan menggalakkan kegiatan gotong royong bagi membina jambatan dan pembersihan jalan tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan. Pengkaji merasakan strategi yang digunakan ini agak berjaya terutama dalam usaha menggalakkan orang Tebia untuk berdikari dalam memajukan

diri mereka.

TRDC boleh dianggap sebagai sebuah kumpulan kepentingan kerana matlamat akhirnya adalah memastikan kawasan Tebia mencapai pembangunan yang pesat. Untuk tujuan ini, mereka mempunyai satu suara untuk meminta projek pembangunan dari kerajaan. Dengan adanya TRDC lebih banyak 'Minor Rural Development Project' (MRDP) telah dilaksanakan di kawasan Tebia. Salah satu daripadanya adalah bekalan air paip. Adalah dijangkakan menjelang tahun 2000, orang Tebia akan menikmati kemudahan asas yang lain seperti jalanraya dan elektrik.

Dalam pada itu, TRDC boleh dianggap sebagai alat pengkaderan politik bukan sahaja kerana pemimpin-pemimpinnya orang yang aktif dalam politik tetapi juga ahli-ahlinya yang sudah berasa terhutang budi kepada kerajaan kerana telah memberikan pelbagai projek pembangunan. Balasannya pula ialah semasa menjelangnya pilihanraya di mana mereka tidak sanggup menyokong parti pembangkang kerana khuatir projek-projek yang akan dilaksanakan ditarik balik. Sesetengah penduduk Tebia merasakan bahawa untuk tidak menyokong kerajaan adalah sama dengan untuk tidak menggalakkan pembangunan.

Di Kampung Sapit, penduduknya mengalu-alukan penubuhan TRDC dan walaupun mereka agak mundur dibandingkan dengan penduduk Tebia yang lain, TRDC tetap dianggap sebagai saluran yang penting untuk menyuarakan masalah orang Tebia. Ramai penduduk yang beranggapan bahawa sama ada TRDC bekerjasama mahupun pro-kerajaan bukanlah menjadi persoalan kerana yang penting ialah pembangunan kawasan mereka. Oleh itu, sokongan orang Tebia khususnya di Kampung Sapit

terhadap TRDC adalah menggalakkan bukan sahaja disebabkan sokongan mereka terhadap Ketua Kampung masing-masing yang menjadi ahli tetapi juga program pembangunan yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun pengkritik TRDC menganggap penubuhan TRDC ialah suatu percubaan untuk menggalakkan orang Tebia menyertai parti SUPP sebab majoriti daripada komitinya adalah ahli parti SUPP.

4. Politik Wang

Politik wang amat berkait rapat dengan hubungan di antara penaung dengan yang dinaungi. Dalam hubungan penaung dengan yang dinaungi kerapkali terdapat bantuan atau sumbangan ekonomi kepada yang dinaungi untuk mendapat khidmat politik. Oleh itu, adalah sukar untuk membezakan rasual dengan amalan pemberian saguhati dan seterusnya penggunaan wang dalam politik.

Memang terdapat peraturan mengenai penggunaan wang semasa pilihanraya. Pindaan Akta Pilihanraya membenarkan perbelanjaan wang sebanyak \$20,000.00 bagi Dewan Rakyat dan \$15,000.00 bagi Dewan Undangan Negeri termasuk membayar cagaran semasa berkempen. Selepas pilihanraya segala perbelanjaan hendaklah dilaporkan secara rasmi. Walaupun Akta Pilihanraya menghadkan penggunaan wang oleh calon yang bertanding, politik wang sukar dielakkan kerana penyokong sesecrang calon mungkin boleh menggunakan wangnya sendiri dan perbelanjaan ini tidak dimasukkan dalam laporan rasmi.

Penggunaan wang dalam politik di Sarawak adalah berleluasa walaupun sukar untuk mengesan dan membuktikannya. Misalnya pada

Pilihanraya Negeri Sarawak 1987 penggunaan wang boleh dikatakan luar biasa sehingga mencapai angka \$104 juta (New Straits Times, April 9, 1987). Suruhanjaya Pilihanraya memerlukan \$2.5 juta bagi pengurusan dan operasi. Parti BN3 iaitu PBB, SUPP dan SNAP membelanjakan \$80 juta sementara parti PBDS dan PERMAS membelanjakan \$20 juta. Penggunaan wang yang sebeginu banyak seolah-olah menandakan kegiatan politik ialah kegiatan mewah. Sebahagian besar wang yang digunakan semasa pilihanraya adalah pemberian saguhati wang tunai dan projek kilit. Menurut seorang responden, pendapatan sehari semasa berkempen untuk sesuatu parti adalah agak lumayan juga iaitu di sekitar \$20 - \$40 sehari.

Di kawasan perkampungan orang Tebia khasnya Kampung Sapit politik wang agak berkesan kerana kemunduran dan kemiskinan penduduk kampung. Malah ada penduduk yang menganggap parti yang banyak menggunakan wang melambangkan kemurahan hati mereka dalam melaksanakan projek pembangunan jika memenangi pilihanraya. Untuk mengadakan sesi kempen dan ceramah yang berkesan parti politik terpaksa mengadakan kenduri dengan menyembelih babi dan ayam yang agak banyak. Oleh itu, penggunaan wang menggambarkan ukuran kejayaan sesebuah parti politik.

BAB VI

KESIMPULAN

Orang Bidayuh di Sarawak sebagai sebuah suku kaum yang dianggap masih di tahap peralihan masih mempunyai kehidupan politik yang belum mantap dan mengalami dilema perpecahan. Masalah perpecahan pula dipermudahkan lagi oleh komposisi bangsa Bidayuh itu sendiri yang terdiri daripada pelbagai sub-kelompok. Keadaan politik orang Bidayuh yang belum mantap banyak bergantung kepada kedudukan sosio-ekonomi mereka yang rendah. Oleh itu, pengkaji merasakan orang Bidayuh terpaksa membasmikan kemiskinan di kalangan mereka dahulu sebelum memikirkan keadaan politik mereka. Pengkaji merasakan suasana politik orang Bidayuh ada persamaannya dengan kehidupan politik penduduk Russia di mana penduduk Russia sanggup melupakan ideologi politik mereka untuk memilih makanan sekiranya diberi pilihan antara ideologi politik dan makanan. Bagi orang Bidayuh pula, di antara ideologi politik dengan sosio-ekonomi, umumnya mereka memilih sosio-ekonomi kerana masih berusaha menentang masalah utama mereka iaitu kemiskinan.

DBNA sebagai sebuah pertubuhan oleh orang Bidayuh untuk orang Bidayuh melalui kegiatannya telah banyak mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan orang Bidayuh. Walaupun DBNA bukanlah pertubuhan politik dan tidak terikat dengan mana-mana parti politik namun matlamat dan perjuangan DBNA untuk menjaga kepentingan dan kebijakan orang Bidayuh sukar sekali dipisahkan daripada politik.

Usaha DBNA untuk memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri misalnya sering ditafsirkan oleh sesetengah orang Bidayuh sebagai pro-kerajaan. Oleh itu, usaha-usaha DBNA untuk menyatupadukan dan memajukan kehidupan orang Bidayuh secara keseluruhannya menghadapi banyak cabaran dan dugaan. Orang Bidayuh yang menyertai parti pembangkang sudah tentu sukar menerima perjuangan DBNA. Walaupun pengkaji merasakan tindakan DBNA untuk tidak menjadi parti politik dan tidak menyebelahi mana-mana parti politik adalah bersesuaian dengan keperluan orang Bidayuh sendiri. Penumpuan DBNA terhadap bidang pendidikan sebagai asas kemajuan orang Bidayuh telah menampakkan kejayaan bila mana semakin ramai anak-anak Bidayuh memasuki universiti tempatan mahupun luar negeri. Pencapaian DBNA dalam usaha mengurangkan kadar buta huruf merupakan titik tolak untuk memajukan orang Bidayuh yang kebanyakannya merasakan bidang pendidikan adalah sesuatu yang baru. Dari segi pembangunan ekonomi pula DBNA banyak membantu dalam usaha memberikan hakmilik ke atas tanah-tanah orang Bidayuh. Seterusnya skim pembangunan tanah dapat dilaksanakan dengan kerjasama SALCRA. Usaha DBNA untuk menonjolkan kebudayaan orang Bidayuh juga agak berjaya dengan adanya Hari Bung Bratak pada 1hb. Mei setiap tahun untuk mengimbas kembali asal-usul orang Bidayuh dan kebudayaannya.

Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan usaha DBNA, pemahaman terhadap sub-group setiap golongan Bidayuh mengikut daerah adalah perlu. Umumnya orang Bidayuh Sadong dan Bau lebih aktif menyertai kegiatan DBNA dibandingkan dengan orang Bidayuh Biatah. Dari segi lokasinya,

orang Bidayuh Sadong dan Bau adalah secara relatif lebih dekat dengan bandar Kuching dan menikmati kemudahan infrastruktur. Orang Bidayuh Biatah pula kebanyakannya tinggal jauh di pedalaman tanpa kemudahan asas yang sesuai. Oleh itu keberkesanan rancangan DBNA agak terhad disebabkan masalah komunikasi. Perkara inilah yang terjadi kepada kawasan perkampungan orang Tebia khasnya Kamupn^cg Sapit yang paling jauh dari bandar Kuching. Di samping itu kegagalan aktiviti DBNA ada kaitannya dengan sikap orang Bidayuh luar bandar yang sukar menerima perubahan terutama golongan tua yang berpendidikan rendah.

Penyertaan orang Bidayuh dalam DBNA khususnya dalam kegiatan yang berkaitan dengan politik sukar dimengertikan disebabkan pada dasarnya aktiviti DBNA tidak seharusnya dipolitikkan sesuai dengan statusnya sebagai pertubuhan bukan politik. Cuma kegiatannya yang sering diperbanyakkan menjelangnya pilihanraya sering menimbulkan tanda tanya dan syak wasangka di kalangan orang Bidayuh sendiri dan pemerhati politik Sarawak. Tambahan pula kedudukan Presiden DBNA, Encik Peter Minos sebagai Penolong Setiausaha PBB kerapkali menjadi isu yang hangat diperbincangkan oleh orang-orang Bidayuh. Maka tidak hairanlah masih ramai orang Bidayuh yang merasakan DBNA agak terkongkong dan lebih cenderung mempunyai perjuangan yang sealiran dengan aspirasi PBB.

Pengkaji merasakan orang Bidayuh memerlukan perubahan sikap dan mentaliti sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi. Salah satu persoalan utama yang timbul di kalangan orang Bidayuh

ialah adakah mereka akan hilang identiti keBidayuhan mereka sekiranya meninggalkan kehidupan di kawasan pergunungan. Setiap orang Bidayuh yang berfikiran rasional akan mengatakan jawapannya sudah pasti tidak. Oleh itu, orang Bidayuh mesti berani menghadapi kehidupan yang lebih mencabar di tempat lain selain daripada kawasan pergunungan yang menjadi kawasan kediaman nenek moyang mereka. Dengan ini masalah "inferiority complex" yang menimbulkan prejedis di kalangan mereka dapat dikurangkan kalaupun tidak dihapuskan. Seterusnya, ini akan dijadikan titik permulaan ke arah perpaduan di kalangan orang Bidayuh.

Akhir sekali politik kepartian orang Bidayuh juga banyak dipengaruhi oleh suasana politik di Malaysia yang cenderung bersifat 'centralized' di mana pihak dari pusat pentadbiran berusaha mengawal perkembangan politik di peringkat "grass-roots" atau "local level" supaya sealiran dengan politik pusat. Oleh itu kegagalan sentimen Dayakism di kalangan orang Bidayuh bukan sahaja disebabkan oleh penolakan orang Bidayuh sendiri tapi juga disebabkan politik tempatan.

Pengkaji merasakan masa depan orang Bidayuh bergantung kepada tahap pendidikan mereka dan itu sahajalah jalan keluar daripada perangkap kemiskinan. Apabila keadaan dan taraf hidup orang Bidayuh bertambah baik barulah penyertaan dan perilaku politik mereka bertambah aktif dan jika diberi peluang yang secukupnya, anak Bidayuh juga mampu menjadi seorang pemimpin yang disegani di Sarawak kalaupun tidak di Malaysia di masa akan datang.


LAMPIRAN A

ADDRESS: 10, JLN 1, KUCHING, 93000 P.J. 15/5/76

Name	Address	Phone No.	Date
Peter Nimes	P O Box 101, 93700 Kuching	416233 416433	417573
Stephen Jussem	5th Floor Ministry of Housing Bgn TAR, 93502 P.J.	440135	252090
Dr Eric Munjan	NMSC, P O Box 3293, 93764 Kuching.	440055	456751
Nejus Nimbun	Kuching Post Office Hq.	244746	
Spirie Mawi	Land & Survey Dept., Jln Badruddin 93400 Kuching	243121	410025
John Ahwang	SEDU, P O Box 400 93902 Kuching	423480	420772
Peter Nyaed	District Office 95000 Sri Aman	083-322012 321091	450622
Alung Jeros	LCDA, 10th Flr. Bgn TAR, 92503 P.J.	441754 443957	456593
Dr Roland Segah	P O Box 3014, 93700 Kuching	441731 443861	451157
James Dawos	Timber Research Technical Training Centre, Forest Dept, 10 Km Airport Road, 93600 Kuching	612311 612312	416492
Peter Salang	FO, Ridge Garden, Tln Ong Tiang Jawa, 93500 Kuching	420173	412493
Punjau Sepoi	Malayan Banking, Jln Satok, Kuching	428566	411361
Robert Elone	LCDA, 10th Flr, Bgn TAR, 93502 P.J.	441094	451373
Lawrence Sinos	1292 Keng Lang Park Kuching		247854
Henry Ginyom	District Office 94700 Serian	874033 874129	612127

NAME	ADDRESS	TEL. (O)	(H)
Josephine Satem	Police Hq., Jln Badruddin 93400 Kuching	245522	458328
Pahon Joyik	Protocol Office, 19th Flr Bgn TAR, 93502 P.J.	440072	473364
Danien Rangu	Ministry of Work & Communication, 12th Flr, Bgn TAR, 93502 P.J.	444039	421084
Minim Dayus	Lot 173, Jln Chan Chin Ann	423363	451815

SUMBER: SURAT PBNA KEPADA PERSATUAN MAHASISWA
SARAWAK UNIVERSITI MALAYA. 4/11/89



SUMBER: SIARAN PERANGKAAN TAHUNAN SARAWAK
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
(CABANGAN SARAWAK) 1970


LAMPIRAN A

APPENDIX A - LIST OF STAFF IN THE FOREST MINISTRY
15/1/70

Name	Address	Area No.	Area
John Munjan	P O Box 3898, 93764 Kuching	410733 410433	417311
Stephen Jussem	5th Floor Ministry of Housing 460135 Bgn TAR, 93902 P.J.	252090	
Dr Eric Munjan	NMSC, P O Box 3898, 93764 Kuching.	440055	456751
Majus Nimbun	Kuching Post Office Rd.	244746	
Spolie Mawi	Land & Survey Dept., Jln Badruddin 93400 Kuching	243121	410025
John Ahwang	SEDU, P O Box 400 93902 Kuching	423480	420772
Peter Nyaed	District Office 95000 Sri Aman	083-322012 321691	456622
Atung Jeros	LCDA, 10th Flr. Bgn TAR, 92503 P.J.	441754 441657	456693
Dr Roland Sagah	P O Box 3614, 93758 Kuching	440131 440561	456657
James Davies	Timber Research Technical Training Centre, Forest Dept., 13 Km Airport Road, 93600 Kuching	612211 612212	415492
Peter Salang	7G, Ridge Gardens, Jln Ong Tiong Juelle, 96500 Kuching	420173	412493
Punjau Sepoi	Malayan Banking, Jln Satok, Kuching	428566	411361
Robert Elone	LCDA, 10th Flr, Bgn TAR, 93502 P.J.	441094	451373
Lawrence Sinos	1292 Kepong Park Kuching	247854	
Henry Ginyom	District Office 94700 Serian	874033	612127 874129

NAME	ADDRESS	TEL. (O)	(H)
Josephine Satem	Police Hq., Jln Badruddin 93400 Kuching	245522	458328
Pahon Joyik	Protocol Office, 19th Flr Bgn TAR, 93502 P.J.	440072	413364
Danien Rangu	Ministry of Work & Communication, 12th Flr, Bgn TAR, 93502 P.J.	444039	421084
Minim Dayus	Lot 173, Jln Chan Chin Ann	423363	451815

SUMBER: SURAT PBNA KEPADA PERSATUAN MAHASISWA
SARAWAK UNIVERSITI MALAYA, 4/11/89



SUMBER: SIRIAN PERANGKAAN TAHUNAN SARAWAK
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
(CABANGAN SARAWAK) 1990

TABURAN PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN KUMPULAN UMUR 1980* - SARAWAK
Distribution of Population by Ethnic Group and Age Group 1980 - Sarawak*

Kumpulan Usia Age Group	Melayu Malays	Melanau	Iban	Bidayuh	Lain-Lain			Lain- Others	Jumlah Total
					Bumiputra Other	Cina Chinese	Indigenous		
0 - 4	39,259	10,198	52,445	15,901	9,940	49,727	1,993	179,463	
5 - 9	37,925	10,698	63,948	17,353	11,482	52,431	1,874	195,711	
10 - 14	33,137	9,923	52,207	15,662	8,897	49,103	1,571	170,500	
15 - 19	28,126	8,338	41,802	13,160	8,148	45,462	1,554	146,590	
20 - 24	25,157	6,538	32,107	9,197	5,576	37,465	1,710	117,750	
25 - 29	22,120	5,596	25,403	6,949	4,656	34,632	1,921	101,277	
30 - 34	15,634	3,998	24,162	5,990	3,561	25,459	1,532	80,336	
35 - 39	13,132	3,864	20,688	5,033	3,166	19,492	1,215	66,590	
40 - 44	9,277	3,136	17,921	3,503	3,127	15,920	888	53,772	
45 - 49	9,470	3,249	14,824	4,289	2,302	12,421	653	47,208	
50 - 54	6,947	2,515	14,498	2,895	2,371	10,570	566	40,362	
55 - 59	5,711	2,263	12,335	2,747	1,662	8,329	372	33,419	
60 - 64	4,908	1,889	9,980	2,017	1,783	7,924	345	28,846	
65 dan lebih and above	7,001	2,921	13,960	2,853	2,394	16,226	403	45,758	
Jumlah Total	257,804	75,126	396,280	107,549	69,065	385,161	16,597	1,307,582	

* Disesuaikan bagi kurang penghitungan.
 Adjusted for under-enumeration.

Punca: Banci Penduduk, 1980
 Source: Population Census, 1980

BIBLIOGRAFI

Bahan Percetakan Kerajaan

Richard, A.J.N., Dayak Adat Law in the First Division and Adat Bidayuh, Kuching: Government Printing Office, 1964.

, Sarawak Land Law and Adat, Kuching Government Printing Office, 1961.

Buku dan Artikel

Abdul Malek Mohd. Hanafiah, Pemimpin dan kepimpinan: Ciri-Ciri Nilai dan Cabarannya. Kertaskerja yang dibentangkan dalam Kursus Politik dan Kepimpinan Pemuda UMNO Taiping pada 1 Januari 1984.

Almond, Gabriel A. dan Powell, G. Bingham Jr., Comparative Politics: System Process and Policy, 2nd editio, Little and Brown, 1978.

Briggs, John, Mountains of Malaysia, Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1985.

Dickson, Mora, A Season in Sarawak, Dobson Books Ltd., London, 1962.

Finkle, Jason dan Gable Richard, Political Developemnt and Social Change, 2nd edition, John Wiley, New York, 1966.

Geddas, W.R., The Land Dayaks of Sarawak: A Report on a Socio-Economic Survey of the Land Dayak of Sarawak, presented to the Colonial Science Research Council Colonial Research Studies, No. 14, London, H.M.S.O. for Colonial Office, 1954.

Glick, H.R., "Political Recruitment in Sarawak: A Case Study of Leadership in a New State", Journal of Politics, February 1966, m.s. 81-89.

Jawan, Jayum A., The Sarawak State Election of 1987: The Dayakism Factor, 1987.

Kedit, Peter Mulak, Modernization Among the Iban of Sarawak.

Leigh, Michael B., The Rising Moon: Political Change in Sarawak, Sydney University Press, 1974.

Lipset, Seymour Martin, Political Man, Maryland: John Hopkins University Press, 1981.

Low, Hugh, Sarawak: Its Inhabitants and Productions, Frank Cass & Co., London, 1968.

Macdonald, Malcolm, Borneo People, Oxford University Press, London, 1985.

Mochtar Masoed dan Colin Mac Andrews, Perbandingan Sistem Politik, Gadjah Mada University Press, 1981.

Ruth, Henry L., The Nature of Sarawak and British North Borneo, KL: University of Malaya Press, 1980.

SALCRA/DBNA, Land Development Seminar, Kg. Bunau Gega, Mongkos, Serian, 19 April 1991.

Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak, Jabatan Perangkaan Malaysia (Cawangan Sarawak), 1990.

Searle, Peter, Politics in Sarawak 1970 - 1976: The Iban Perspective.

Siran, John Nayne Chamberlin, The Bidayuh of Sarawak: The People and Their Adat on Socio-Legal Study, Faculty of Law, University of Malaya, 1983.

Strauch, Judith, Chinese Village Politics in the Malaysian State, Harvard University Press, 1981.

Swartz, Mowe J., Local Level Politics, University of London Press Ltd., 1969.

_____, Political Anthropology, New York, Aldine Publishing Company, 1966.

Tilman, Robert O., The Sarawak Political Scene, 1964.

Surat Khabar dan Jurnal

Borneo Post, Kuching.


Dialog, Kajian dan Pembangunan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia.

Ilmu Masyarakat, Persatuan Sains dan Sosial Malaysia.

Peoples Mirror, Kuching.

Sarawak Museum Journal, Kuching.

Sarawak Tribune, Kuching.



TAMAT

0 MM 10 20 30 40 50 60 70 80 90 100 110 120 130 140 150

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

0 CM 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15